

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 64

AKTA CUKAI JUALAN 1972

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA CUKAI JUALAN 1972

Tarikh Perkenan Diraja 26 Februari 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta*... .. 28 Februari 1972

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1993

Cetakan Semula Yang Kedua 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA LUMPUR
2006



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 64

AKTA CUKAI JUALAN 1972

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
- 2A. Zon bebas
- 2B. Gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen disifatkan di luar Malaysia

BAHAGIAN II PENTADBIRAN

3. Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain
4. Pegawai sebagai pekhidmat awam
5. Kad kuasa, dll., hendaklah dikemukakan

BAHAGIAN III CUKAI DIKENAKAN

6. Cukai dikenakan
7. Penentuan nilai jualan

BAHAGIAN IV PENGECUALIAN DAN PEMULANGAN BALIK

8. Pengecualian; kelas barang-barang
9. Bahan untuk pengilang hendaklah bebas daripada cukai
10. Kuasa Menteri mengecualikan dan memulangkan balik
11. Tidak mematuhi syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian atau pulangan balik telah dibenarkan

4 *Undang-Undang Malaysia* **AKTA 64**

BAHAGIAN V
ORANG KENA CUKAI—PELESENAN

Seksyen

12. Orang kena cukai
- 12A. Arahan untuk menganggap orang sebagai orang kena cukai tunggal
13. Permohonan untuk lesen, pengeluaran, dsb.
- 13A. Penyerahan balik dan pembatalan lesen
14. Pengecualian daripada pelesenan

BAHAGIAN VI
KADAR CUKAI DAN PENGHITUNGAN CUKAI
YANG KENA DIBAYAR

15. Kuasa Menteri untuk menetapkan kadar cukai jualan dengan perintah yang diluluskan oleh Dewan Rakyat
16. Penghitungan cukai yang kena dibayar

BAHAGIAN VII
INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN

17. Invois
- 17A. Pengeluaran invois melalui komputer
18. Kewajipan untuk menyimpan rekod
19. Memberikan penyata
20. Pentaksiran cukai atas barang-barang yang dijual atau dikilang
21. Pentaksiran cukai atas barang-barang yang diimport

BAHAGIAN VIII
PEMUNGUTAN, TUNTUTAN, PENGAMBILAN
BALIK, PEMULANGAN BALIK DAN REMITAN

22. Bila cukai terhutang dan kena dibayar
23. Cukai jualan hendaklah dituntut sebagai hutang sivil
24. Penalti kerana bayaran lambat
25. Barang-barang yang tertakluk kepada kawalan Kastam tidak boleh diserahkan sehingga cukai jualan telah dibayar sebagaimana yang dituntut
26. Tanggungan bersesama dan berasingan bagi pengarah, dll.

Cukai Jualan

5

Seksyen

27. Orang yang hampir hendak meninggalkan Malaysia
- 27A. Mendapatkan cukai jualan, dll., daripada orang yang meninggalkan Malaysia
28. Kuasa untuk memungut cukai jualan, dll., daripada orang yang berhutang wang dengan orang kena cukai
29. Pengambilan balik
30. Pembayaran cukai jualan, dll., yang terkurang dibayar atau yang tersilap dipulangkan balik dan bayaran secara ansuran
31. Penjual boleh memohon pemulangan balik
- 31A. Permohonan untuk pemotongan daripada pengilang berlesen
- 31B. Nota kredit
- 31C. Pulangan balik hutang lapuk
- 31D. Pembayaran semula pulangan balik
32. Pemulangan cukai jualan atau penalti yang terlebih dibayar atau tersilap dibayar
33. Remitan

BAHAGIAN IX

PEMERIKSAAN, PENGGELEDAHAN, PENYITAAN DAN
PENANGKAPAN

34. Orang terikat memberikan maklumat
35. Pegawai kanan cukai jualan boleh mengambil contoh
36. Akses ke tempat atau premis
37. Majistret boleh mengeluarkan waran geledah
38. Bila penggeledahan boleh dilakukan tanpa waran
39. Kuasa untuk memberhentikan dan memeriksa kenderaan, vesel dan pesawat udara
- 39A. Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer
40. Penyitaan barang-barang yang menjadi perkara kesalahan
41. Pelepasan kenderaan, vesel atau pesawat udara di bawah bon
42. Kuasa menangkap

6 *Undang-Undang Malaysia* **AKTA 64**

BAHAGIAN X
KESALAHAN JENAYAH

Seksyen

- 43. Tidak mematuhi notis, dsb.
- 43A. Lari cukai jualan
- 44. Menyubahati kesalahan
- 45. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
- 46. (*Dipotong*)

BAHAGIAN XI
PERUNTUKAN MENGENAI PEMBICARAAN
DAN PROSIDING

- 47. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa penuh
- 48. Pemeriksaan sebahagian barang-barang yang disita hendaklah diterima oleh mahkamah
- 49. Keterangan mengenai analisis boleh diberikan secara bertulis
- 50. Bukti tentang pendaftaran atau pelesenan vesel dan kenderaan di Malaysia atau Singapura
- 51. Cara penyitaan tidak akan disiasat dalam perbicaraan di hadapan mahkamah atau atas rayuan kepada Mahkamah Tinggi
- 51A. Obligasi kerahsiaan
- 52. Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui
- 53. Barang-barang yang boleh disita boleh dilucuthakkan
- 54. Mahkamah hendaklah memerintah barang-barang yang disita supaya dilupuskan
- 55. Barang-barang yang disita jika tiada apa-apa pendakwaan berkenaan dengannya disifatkan dilucuthakkan jika tidak dituntut dalam tempoh satu bulan
- 56. Menteri boleh memerintahkan supaya barang-barang yang disita dikembalikan
- 57. Mengkompaun kesalahan
- 58. Beban membuktikan
- 59. Sabitan di bawah undang-undang lain
- 59A. Perintah mahkamah

Cukai Jualan

7

Seksyen

60. Tiada kos atau ganti rugi akibat penyitaan boleh dituntut melainkan jika penyitaan itu dilakukan tanpa sebab yang munasabah atau barangkali

60A. Perlindungan pegawai awam

BAHAGIAN XII

PERATURAN-PERATURAN

61. Peraturan-peraturan

BAHAGIAN XIII

PELBAGAI

62. Penyampaian notis, dll.

63. Kerani dan pekhidmat boleh menjalankan urusan

63A. Penjalanan urusan bagi pihak orang kena cukai

64. Pemegang lesen hendaklah memberikan perakuan audit

65. Hadiah

66. Borang yang hendaklah digunakan

67. Kuasa Ketua Pengarah untuk mengenakan fi

68. Pertikaian dan rayuan

69. Pelikuidasi syarikat hendaklah memberikan notis penggulangan, dan hendaklah mengasingkan cukai

70. Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah

71. Tempoh cukai selain dua bulan kalendar

BHAGIAN XIV

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN
LABUAN

72. Tafsiran

73. Cukai jualan atas barang-barang yang diimport ke Labuan atau yang dieksport dari Labuan, atau yang dipindahkan ke Labuan atau dari Labuan, dari atau ke kawasan utama kastam

74. Barang-barang yang dikilang di Labuan disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia

75. Pengangkutan barang-barang ke atau dari Labuan, dari atau ke kawasan utama kastam

8 *Undang-Undang Malaysia* **AKTA 64**

Seksyen

- 76. Akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Labuan ke kawasan utama kastam
- 77. Barang-barang kena cukai hendaklah disifatkan sebagai tidak kena cukai semasa di Labuan
- 78. Pemungutan cukai di Labuan
- 79. Pemakaian seksyen 29 bagi barang-barang yang diangkut ke Labuan

BAHAGIAN XV

(Dipotong)

- 80. *(Dipotong)*

BAHAGIAN XVI

(Dipotong)

- 81. *(Dipotong)*

- 82. *(Dipotong)*

BAHAGIAN XVII

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN
LANGKAWI

- 83. Tafsiran
- 84. Cukai jualan atas barang-barang yang diimport atau yang diangkut ke Langkawi dari kawasan utama kastam
- 85. Barang-barang yang dikilang di Langkawi disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia
- 86. Pengangkutan barang-barang ke Langkawi dari kawasan utama kastam atau dari Langkawi ke kawasan utama kastam
- 87. Akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam
- 88. Barang-barang kena cukai hendaklah disifatkan sebagai tidak kena cukai semasa berada di Langkawi
- 89. Pemungutan cukai di Langkawi
- 90. Pemakaian seksyen 29 bagi barang-barang yang diangkut ke Langkawi

BAHAGIAN XVIII

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN TIOMAN

- 90A. Tafsiran

Cukai Jualan

9




Seksyen

- 90B. Cukai jualan berhubung dengan Tioman
- 90C. Barang-barang yang dikilang di Tioman disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia
- 90D. Pengangkutan barang-barang dari atau ke Tioman, ke atau dari kawasan utama kastam
- 90E. Akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam
- 90F. Barang-barang kena cukai disifatkan sebagai tidak kena cukai semasa berada di Tioman
- 90G. Pemungutan cukai di Tioman
- 90H. Pemakaian seksyen 29 bagi barang-barang yang diangkut ke Tioman

BAHAGIAN XVIII

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN PETROLEUM

- 91. Peruntukan tertentu Akta terpakai
- 92. Mengubah tempoh cukai terhutang dan kena dibayar dan tempoh cukai
- 93. Penyerahan petroleum tertakluk kepada kawalan kastam sebelum pembayaran cukai jualan
- 94. Tiada ambilan balik
- 95. Bahagian XIV, XVII dan XVIIA tidak mempunyai kuat kuasa



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 64

AKTA CUKAI JUALAN 1972

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi mengenakan, melewi dan memungut cukai jualan.

[29 Februari 1972, P.U.(B)72/1972]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Jualan 1972.
(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.
(3) Akta in tidaklah terpakai bagi kawasan yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang-barang” ertinya segala jenis harta alih;

“barang-barang kena cukai” ertinya barang-barang daripada kelas atau jenis yang pada masa itu tidak dikecualikan daripada cukai jualan;

“bulan kalendar” ertinya suatu bulan yang dikira mengikut kalendar *Gregory*;

“cukai jualan” ertinya cukai yang kena dibayar di bawah Akta ini;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“gudang berlesen” ertinya suatu gudang atau tempat lain yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“gudang kastam” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“jualan” termasuk tukar barang; dan termasuk juga melupuskan barang-barang dengan hak untuk membeli atau atas terma yang memperuntukkan bahawa penjual masih memiliki kepentingan mengenai barang-barang itu dan termasuklah menyerahkan barang-barang atas apa-apa syarat tentang pembayaran pada masa hadapan; dan “menjual” mempunyai erti yang bersamaan;

“Kastam” ertinya Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia;

“kawalan eksais” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(2) Akta Eksais 1976 [*Akta 176*];

“kawalan kastam” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(2) Akta Kastam 1967;

“Kawasan Pembangunan Bersama” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 [*Akta 440*];

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah peruntukan subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967;

“komputer” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;

“Menteri” ertinya Menteri Persekutuan yang bertanggungjawab atas kewangan;

Cukai Jualan

13

“orang” termasuklah orang perseorangan, firma, pertubuhan, persatuan, syarikat dan tiap-tiap orang lain di sisi undang-undang yang lain;

“orang kena cukai” ertinya mana-mana orang yang berlesen atau yang dikehendaki berlesen di bawah Akta ini;

“pegawai cukai jualan” ertinya mana-mana pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pegawai kanan cukai jualan” ertinya mana-mana pegawai kanan kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pegawai yang hak” ertinya mana-mana pegawai yang bertindak pada menyempurnakan kewajibannya di bawah Akta ini sama ada kewajiban itu diuntukkan kepadanya secara khas atau secara am, atau secara nyata atau secara implikasi;

“penalti” ertinya apa-apa caj yang terhutang dan kena dibayar di bawah seksyen 24;

“pengilang” ertinya seseorang yang melibatkan diri dalam pengilangan barang-barang; dan “mengilang” mempunyai erti yang bersamaan;

“pengilangan” ertinya—

- (a) berhubung dengan barang-barang selain petroleum, kerja mengubah jadi dengan cara manual atau jentera bahan-bahan organik atau bukan organik kepada sesuatu keluaran baharu dengan mengubah saiz, bentuk atau jenis bahan-bahan itu dan termasuklah kerja memasang bahagian hingga menjadi suatu jentera atau keluaran lain, tetapi tidak termasuk kerja memasang jentera atau alat kelengkapan bagi maksud pembinaan; dan
- (b) berhubung dengan petroleum, menapis atau mensebatikan dan termasuklah menambahkan apa-apa bahan asing;

“pengilang berlesen” ertinya pengilang yang memegang lesen yang berkuat kuasa pada masa ini di bawah Akta ini;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 61;

“pertukaran data elektronik” ertinya pemindahan, dari komputer ke komputer, transaksi perdagangan dan pentadbiran dengan menggunakan standard perutusan yang dipersetujui untuk menstrukturkan data yang berhubungan dengan sesuatu transaksi;

“petroleum” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“surcaj” ertinya apa-apa caj yang genap masanya dan kena dibayar di bawah subseksyen 30(1B);

“syarikat” ertinya syarikat sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan termasuklah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh atau di bawah undang-undang Malaysia atau undang-undang Negeri dan mana-mana badan yang diisytiharkan dengan perintah oleh Menteri sebagai syarikat bagi maksud Akta ini;

“tempoh cukai” tertakluk kepada seksyen 71 ertinya dua bulan kalendar;

“urusan” termasuklah apa-apa perdagangan, perniagaan, perkilangan atau apa-apa usaha daripada jenis perdagangan, perniagaan atau perkilangan.

Zon bebas

2A. Bagi maksud Akta ini, sesuatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai suatu tempat di luar Malaysia.

Dalam seksyen ini, ungkapan “zon bebas” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*].

Gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen disifatkan di luar Malaysia

2B. Bagi maksud Akta ini, sesuatu gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen hendaklah disifatkan sebagai suatu tempat di luar Malaysia.

Dalam seksyen ini, ungkapan “gudang pengilangan berlesen” ertinya gudang berlesen yang berkenaan dengannya lesen tambahan untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan telah diberikan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967.

Cukai Jualan

15

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain

3. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjalankan penguasaan bagi segala perkara yang berhubungan dengan cukai jualan tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri.

(2) Tertakluk kepada arahan dan pengawasan am Ketua Pengarah, semua pegawai Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kastam 1967 dan yang menyandang pangkat Penguasa atau sesuatu pangkat yang lebih tinggi daripada Penguasa hendaklah mempunyai dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh atau di bawah Akta ini selain yang diberikan oleh subseksyen 15(5).

(3) Adalah menjadi kewajipan seseorang pegawai yang hak untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan dengan sewajarnya peruntukan Akta ini dan untuk menjalankan segala siasatan yang sewajarnya berhubung dengannya.

(4) Tiap-tiap orang yang diambil kerja untuk sesuatu kewajipan atau perkhidmatan berhubungan dengan cukai jualan dengan perintah atau persetujuan Ketua Pengarah (sama ada dinyatakan dahulunya atau kemudiannya) hendaklah disifatkan sebagai pegawai yang hak kewajipan atau perkhidmatan itu; dan tiap-tiap perbuatan yang dikehendaki oleh undang-undang pada bila-bila masa supaya dilakukan oleh atau bersama dengan seseorang pegawai tertentu yang dinamakan bagi maksud itu, jika dilakukan oleh atau bersama dengan seseorang yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihak pegawai tertentu itu, hendaklah disifatkan sebagai dilakukan oleh atau bersama dengan pegawai tertentu itu.

Pegawai sebagai pekhidmat awam

4. Tiap-tiap orang yang diambil kerja untuk sesuatu kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai jualan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kad kuasa, dll., hendaklah dikemukakan

5. (1) Tiap-tiap pegawai apabila bertindak terhadap seseorang di bawah Akta ini, hendaklah, jika tidak memakai uniform, apabila diminta memberitahukan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu lencana atau kad kuasa yang dia telah diarahkan supaya membawanya di bawah subseksyen 9(1) Akta Kastam 1967.

(2) Tidak menjadi kesalahan jika seseorang enggan mematuhi sesuatu permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh seseorang pegawai yang bertindak atau yang berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini, jika pegawai itu tidak memakai uniform dan enggan memberitahukan jawatannya dan mengemukakan lencana atau kad kuasanya apabila diminta oleh orang itu.

BAHAGIAN III
CUKAI DIKENAKAN

Cukai dikenakan

6. Tertakluk kepada Akta ini, cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevi atas segala barang kena cukai—

- (a) yang dikilang di Malaysia atau diperoleh di bawah seksyen 9 oleh seseorang kena cukai dan dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya dengan apa-apa cara selain cara jualan atau pelupusan kepada pengilang berlesen yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah memperoleh barang-barang itu tanpa bayaran cukai;
- (b) yang diimport ke Malaysia oleh seseorang untuk kegunaan dalam negeri.

Penentuan nilai jualan

7. (1) Berkenaan dengan barang-barang—

- (a) yang dijual oleh orang kena cukai; atau
- (b) yang dikilang atau diperoleh di bawah peruntukan seksyen 9 oleh orang kena cukai dan—
 - (i) digunakan olehnya selain sebagai bahan bagi mengilang barang kena cukai; atau

(ii) dilupuskan olehnya selain dengan cara jualan, nilai jualan barang-barang itu hendaklah ditentukan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Berkenaan dengan barang-barang yang diimport ke dalam Malaysia untuk kegunaan dalam negeri, nilai jualan barang-barang itu ialah jumlah amaun yang berikut, iaitu—

- (a) nilai barang-barang itu bagi maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967;
- (b) amaun duti kastam, jika ada, yang kena dibayar atas barang-barang itu; dan
- (c) amaun duti eksais, jika ada, yang kena dibayar atas barang-barang itu.

(3) Jika barang-barang dikilang bagi pihak mana-mana pembekal barang-barang kena cukai daripada barang-barang kena cukai yang dibekalkan olehnya dan barang-barang yang dikilang sedemikian dikembalikan kepada pembekal barang-barang kena cukai itu, nilai jualan barang-barang yang dikilang sedemikian boleh, tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah, merupakan amaun yang dikenakan oleh pengilang itu bagi kerja yang telah dilakukan olehnya.

BAHAGIAN IV

PENGEQUALIAN DAN PEMULANGAN BALIK

Pengecualian; kelas barang-barang

8. Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan, Menteri boleh dengan perintah mengecualikan mana-mana barang atau kelas barang-barang daripada kesemua atau mana-mana bahagian daripada cukai jualan atau mana-mana orang atau golongan orang daripada membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan yang, jika tidak, akan kena dibayar.

Bahan untuk pengilang hendaklah bebas daripada cukai

9. (1) Jika mana-mana pengilang berlesen memperoleh barang-barang kena cukai daripada seorang pengilang berlesen yang lain pengilang yang mula-mula disebut itu boleh memperoleh apa-apa

barang itu sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bebas daripada cukai jualan dengan syarat orang itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan untuk memperoleh barang-barang itu bebas dari cukai jualan.

(2) Jika seseorang pengilang berlesen mengimport barang-barang kena cukai, pengilang itu boleh mengimport apa-apa barang-barang sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bebas daripada cukai jualan dengan syarat orang itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk mengimport barang-barang itu bebas daripada cukai jualan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan.

(3) Jika seseorang yang tidak dilesenkan mengimport barang-barang kena cukai bagi pihak dan untuk diserahkan kepada pengilang berlesen, orang itu boleh menyerahkan apa-apa barang itu sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bebas daripada cukai jualan dengan syarat orang itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk mengimport barang-barang itu bagi pihak dan untuk diserahkan kepada pengilang berlesen bebas daripada cukai jualan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Jika seseorang yang tidak dilesenkan memperoleh barang-barang kena cukai daripada pengilang berlesen bagi pihak dan untuk diserahkan kepada suatu pengilang berlesen lain, orang itu boleh memperoleh dan menyerahkan apa-apa barang itu sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bebas daripada cukai jualan dengan syarat orang itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk memperoleh barang-barang itu daripada pengilang berlesen bagi pihak dan untuk diserahkan kepada suatu pengilang berlesen yang lain bebas daripada cukai jualan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan.

(5) Jika seseorang pengilang berlesen menghendaki suatu pengilang berlesen yang lain supaya menyiapkan pengilangan barang-barang bercukai, pengilang yang mula-mula disebut itu boleh mendapatkan balik barang itu sebagaimana diluluskan oleh Ketua Pengarah bebas dari cukai jualan, dengan syarat pengilang itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk mendapatkan balik barang-barang itu bebas daripada cukai jualan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dan bagi maksud Akta ini barang-barang itu hendaklah ditafsirkan sebagai sedang dikilang oleh pengilang yang mula-mula disebut itu.

(6) Jika seseorang pengilang berlesen memperoleh barang-barang kena cukai yang didepositkan atau disimpan dalam gudang kastam atau suatu gudang yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967, pengilang itu boleh memperoleh apa-apa barang itu sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bebas daripada cukai jualan, dengan syarat pengilang itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk memperoleh barang-barang itu dari gudang kastam atau gudang berlesen bebas daripada cukai jualan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan.

(7) Sesuatu kelulusan dan kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (1), (2), (3), (4), (5) atau (6) boleh ditarik balik pada bila-bila masa menurut budi bicara Ketua Pengarah.

Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan memulangkan balik

10. Menteri boleh, dalam sesuatu hal tertentu, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan—

- (a) mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada cukai jualan yang, jika tidak, akan kena dibayar oleh orang itu atau golongan orang itu;
- (b) mengarah supaya dipulangkan balik kepada mana-mana orang atau golongan orang kesemua atau mana-mana bahagian daripada cukai jualan yang telah dibayar oleh orang itu atau golongan orang itu; atau
- (c) mengarahkan supaya dipulangkan balik kepada mana-mana orang atau golongan orang kesemua atau mana-mana bahagian daripada penalti yang telah dibayar oleh orang itu atau golongan orang itu.

Tidak mematuhi syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian atau pemulangan balik telah dibenarkan

11. Jika—

- (a) apa-apa barang yang mengenainya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 8 dilupuskan kemudiannya berlawanan dengan mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian itu telah dibenarkan; atau

- (b) seseorang yang kepadanya telah dibenarkan pengecualian atau diarahkan pemulangan balik di bawah Bahagian ini tidak mematuhi atau berhenti mematuhi mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian telah dibenarkan atau pemulangan balik telah diarahkan, mengikut mana-mana yang berkenaan,

cukai jualan itu hendaklah kena dibayar dan mana-mana orang yang dijumpai memiliki barang-barang itu, atau orang yang kepadanya pengecualian itu telah diberikan, atau pemulangan balik telah diarahkan, hendaklah bersesama dan berasingan kena membayar cukai jualan itu.

BAHAGIAN V

ORANG KENA CUKAI—PELESENAN

Orang kena cukai

12. Tertakluk kepada Akta ini, cukai jualan hendaklah dihitung dan dibayar oleh—

- (a) mana-mana orang kena cukai yang menjalankan urusan dalam Malaysia sama ada untuk mendapatkan keuntungan atau selainnya, berkenaan dengan barang-barang kena cukai yang dikilang olehnya dalam perjalanan urusan itu;
- (b) mana-mana orang yang mengimport barang-barang kena cukai ke Malaysia, berkenaan dengan barang-barang itu.

Arahan untuk menganggap orang sebagai orang kena cukai tunggal

12A. (1) Walau apa pun seksyen 12 dan 13, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat, dia boleh membuat suatu arahan di bawah seksyen ini yang mengarahkan bahawa orang yang dinamakan dalam arahan itu hendaklah dianggap sebagai orang kena cukai tunggal yang menjalankan aktiviti perniagaan yang diperihalkan dalam arahan itu dan orang kena cukai tunggal itu tidak boleh terus menjalankan aktiviti perniagaan itu melainkan jika dia dilesenkan dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh arahan itu disampaikan kepada yang terakhir daripada kalangan orang itu

atau dari tarikh yang terkemudian sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam menentukan sama ada mana-mana pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat, hendaklah diambil kira setakat manakah orang yang berlainan yang menjalankan aktiviti perniagaan itu berkait rapat antara satu sama lain melalui hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi.

(3) Ketua Pengarah boleh membuat arahan di bawah seksyen ini yang menamakan mana-mana orang jika Ketua Pengarah berpuas hati—

- (a) bahawa orang itu mengilang atau telah mengilang barang-barang kena cukai;
- (b) bahawa aktiviti yang dalam perjalanannya orang itu mengilang atau telah mengilang barang-barang kena cukai itu menjadi hanya sebahagian daripada aktiviti tertentu dalam perniagaan itu dan bahawa aktiviti lain dalam perniagaan itu (sama ada atau tidak aktiviti itu serupa dengan aktiviti yang dijalankan oleh orang itu) sedang dijalankan serentak atau sebelumnya, atau kedua-duanya, oleh seorang orang lain atau lebih; dan
- (c) bahawa jika semua barang-barang kena cukai yang dikilangkan dalam perniagaan itu diambil kira, orang yang menjalankan perniagaan itu akan, pada masa arahan itu, dikehendaki supaya dilesenkan oleh sebab seksyen 13.

(4) Mana-mana arahan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap orang yang dinamakan dalam arahan itu.

(5) Jika, selepas suatu arahan telah diberikan di bawah seksyen ini yang menyatakan perihal perniagaan itu, tampak pada Ketua Pengarah bahawa mana-mana orang yang tidak dinamakan dalam arahan itu sedang mengilang barang-barang kena cukai dalam perjalanan aktiviti yang patut dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan itu, Ketua Pengarah boleh membuat dan menyampaikan kepada orang itu suatu arahan tambahan yang merujuk kepada arahan yang sebelumnya dan perihal perniagaan yang dinyatakan dalamnya, dan menambahkan nama orang itu kepada nama orang yang dinamakan dalam arahan yang sebelumnya mulai dari—

- (a) tarikh orang itu mula mengilang barang-barang kena cukai itu; atau
- (b) jika tarikh arahan sebelumnya adalah lebih kemudian daripada tarikh yang disebut dalam perenggan (a), tarikh yang mulai darinya orang kena cukai tunggal yang disebut dalam arahan sebelumnya itu dilesenkan di bawah subseksyen (1).

(6) Jika, sebaik sebelum mana-mana arahan (termasuk arahan tambahan) dibuat di bawah seksyen ini, mana-mana orang yang dinamakan dalam arahan itu dilesenkan berkenaan dengan barang-barang kena cukai yang dikilangkan olehnya sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (3) atau (5), lesennya hendaklah dibatalkan oleh Ketua Pengarah mulai dari—

- (a) tarikh orang kena cukai tunggal itu dilesenkan di bawah subseksyen (1); atau
- (b) apa-apa tarikh yang lebih kemudian sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam arahan itu,

dan apabila lesennya dibatalkan dia bersama dengan semua orang yang dinamakan dalam arahan itu hendaklah dianggap sebagai orang kena cukai tunggal di bawah seksyen ini.

(7) Berhubung dengan sesuatu perniagaan yang dinyatakan dalam sesuatu arahan di bawah seksyen ini, orang yang dinamakan dalam arahan itu bersama dengan mana-mana orang yang dinamakan dalam suatu arahan tambahan yang berhubungan dengan perniagaan itu (sebagai orang yang bersama-sama dianggap sebagai orang kena cukai tunggal) adalah dalam subseksyen (8) dan (9) disebut sebagai “anggota konstituen”.

(8) Jika apa-apa arahan dibuat di bawah seksyen ini, maka bagi maksud Akta ini—

- (a) orang kena cukai tunggal yang menjalankan perniagaan yang dinyatakan dalam arahan itu hendaklah dilesenkan dengan nama yang dinamakan oleh orang dalam arahan itu secara bersesama melalui notis bertulis yang diberikan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh arahan itu disampaikan kepada yang terakhir daripada kalangan orang itu atau, jika penamaan itu tidak dibuat, dengan nama sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam arahan itu;

- (b) mana-mana barang kena cukai yang dikilangkan oleh salah seorang daripada anggota konstituen dalam perjalanan aktiviti orang kena cukai tunggal itu hendaklah dianggap sebagai barang-barang kena cukai yang dikilangkan oleh orang kena cukai tunggal itu;
- (c) setiap anggota konstituen hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa cukai jualan yang kena dibayar oleh orang kena cukai tunggal itu;
- (d) tanpa menjejaskan perenggan (c), apa-apa kegagalan oleh orang kena cukai tunggal itu untuk mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini hendaklah dianggap sebagai kegagalan oleh setiap anggota konstituen secara berasingan; dan
- (e) tertakluk kepada perenggan (a) hingga (d), anggota konstituen hendaklah dianggap sebagai suatu perkongsian yang menjalankan perniagaan orang kena cukai tunggal itu dan apa-apa persoalan tentang ruang lingkup aktiviti perniagaan itu pada bila-bila masa hendaklah ditentukan dengan sewajarnya.

(9) Jika tampak pada Ketua Pengarah bahawa mana-mana orang yang merupakan salah seorang anggota konstituen tidak patut lagi dianggap sedemikian bagi maksud perenggan (8)(c) dan (d) dan Ketua Pengarah memberikan notis yang bermaksud sedemikian, orang itu tidak lagi mempunyai apa-apa tanggungan oleh sebab subseksyen itu bagi apa-apa jua yang dilakukan selepas tarikh yang dinyatakan dalam notis itu dan dengan yang demikian pada tarikh itu dia hendaklah dianggap sebagai telah berhenti menjadi anggota perkongsian yang disebut dalam perenggan (8)(e).

Permohonan untuk lesen, pengeluaran dsb.

13. (1) Tiap-tiap orang yang mengilang barang-barang kena cukai dalam perjalanan urusan hendaklah memohon kepada pegawai kanan cukai jualan dalam borang yang ditetapkan supaya diberikan lesen sebagai pengilang berlesen; dan tertakluk kepada seksyen 14 tiada seorang pun boleh mengilang barang kena cukai dalam perjalanan urusan melainkan jika orang itu memiliki lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3).

(2) *(Dipotong oleh Akta 337).*

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), dan dengan syarat Ketua Pengarah berpuas hati bahawa lesen dikehendaki mengikut perenggan 12(a) dan subseksyen (1) seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu lesen dalam bentuk yang ditetapkan.

(4) Sebelum sesuatu lesen diberikan di bawah seksyen ini, atau jika suatu lesen telah diberikan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang memohon lesen itu, atau pengilang berlesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberikan suatu cagaran yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah bagi menjamin bahawa orang itu akan mematuhi peruntukan Akta ini dengan sewajarnya dan amnya untuk memberi perlindungan kepada hasil; dan jika Ketua Pengarah tidak berpuas hati pada bila-bila masa dengan apa-apa cagaran yang diberikan, dia boleh menghendaki suatu cagaran baru sebagai gantinya atau sebagai tambahan kepadanya; dan jika cagaran baru itu tidak diberikan Ketua Pengarah boleh menggantung mana-mana lesen yang telah diberikan dahulu. Dalam masa penggantungan itu pemegang sesuatu lesen yang telah diberikan hendaklah disifatkan sebagai tidak berlesen.

(5) Seseorang yang dilesenkan sebagai pengilang hendaklah menjalankan urusan hanya di tempat atau tempat-tempat yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3).

Penyerahan balik dan pembatalan lesen

13A. (1) Jika mana-mana orang kena cukai berhenti menjalankan perniagaan, dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan balik lesennya kepada Ketua Pengarah.

(2) Jika mana-mana orang kena cukai berhenti menjalankan perniagaan sebagai yang sedemikian, atau mati atau sebagai syarikat dibubarkan, Ketua Pengarah hendaklah membatalkan lesen itu.

(3) Jika mana-mana orang kena cukai tidak bertindak atau didapati bertindak berlawanan dengan seksyen 17, 17A, 18, 19, atau subseksyen 22(1) dan (2) Ketua Pengarah boleh membatalkan lesen itu, dan jika orang itu terus menjalankan perniagaan itu juga selepas pembatalan itu, dia hendaklah disifatkan menjalankan perniagaan tanpa lesen di bawah Akta ini.

(4) Sebelum membatalkan sesuatu lesen di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan suatu notis pembatalan lesen kepada orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan dan lesen itu adalah batal mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Sebelum membatalkan sesuatu lesen di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan suatu notis kepada orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan yang memberitahunya tentang pembatalan yang dicadangkan dan memberinya peluang untuk membuat representasi mengenai perkara itu.

(6) Jika Ketua Pengarah berpuas hati, selepas menimbang representasi seseorang yang dibuat di bawah subseksyen (5) bahawa lesen orang itu patut dibatalkan, dia hendaklah menyampaikan suatu notis pembatalan lesen kepada orang itu yang memberitahunya bahawa lesennya adalah batal mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

Pengecualian daripada pelesenan

14. Menteri boleh dengan perintah mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, mana-mana golongan orang daripada peruntukan subseksyen 13(1):

Dengan syarat bahawa walaupun seseorang dikecualikan di bawah perintah itu, orang itu boleh memohon supaya diberi lesen sebagai pengilang berlesen, dan dengan itu peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi orang itu.

BAHAGIAN VI

KADAR CUKAI DAN PENGHITUNGAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR

Kuasa Menteri untuk menetapkan kadar cukai jualan dengan perintah yang diluluskan oleh Dewan Rakyat

15. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan kadar cukai jualan yang hendaklah dilevi di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang akan datang dan apabila tamat seratus dua puluh hari selepas ia dibentangkan sedemikian atau selepas apa-apa tempoh lanjutan yang diarahkan oleh Dewan Rakyat, dengan ketetapan, perintah itu hendaklah terhenti berkuat kuasa jika dan setakat yang ia tidak disahkan dengan ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh seratus dua puluh hari yang tersebut itu, atau jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam tempoh lanjutan itu.

(3) Jika sesuatu perintah terhenti berkuat kuasa pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang di peruntukkan oleh subseksyen (2) seksyen ini, maka apa-apa cukai jualan yang dilevi menurut perintah itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut bahagiannya yang terhenti berkuat kuasa itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan subseksyen (4) seksyen ini, dibayar balik kepada orang yang telah membayar cukai jualan itu.

(4) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada cukai jualan yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (3) seksyen ini boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang berhak menerima bayaran balik itu membuat tuntutan baginya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu tahun dari hari perintah itu terhenti berkuat kuasa pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (2) seksyen ini; dan tuntutan itu hendaklah dibuat dengan bertulis dan hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah melalui perintah am atau khas.

(5) Jika berbangkit sesuatu soal sama ada sesuatu barang tertentu termasuk atau tidak dalam sesuatu kelas barang-barang yang disebut dalam sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) seksyen ini, soal itu hendaklah diputuskan oleh Ketua Pengarah.

Penghitungan cukai yang kena dibayar

16. Tertakluk kepada Akta ini, cukai jualan hendaklah dilevi—

- (a) atas nilai jualan mengikut kadar yang berkuat kuasa pada masa cukai jualan itu kena dibayar; atau
- (b) atas kuantiti barang-barang yang dijual, digunakan atau dilepaskan, atau yang diimport, mengikut kadar

yang berkuat kuasa pada masa cukai jualan itu kena dibayar.

BAHAGIAN VII
INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN

Invois

17. (1) Tiap-tiap orang kena cukai yang menjual apa-apa barang kena cukai hendaklah mengeluarkan suatu invois dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris kepada pembeli berkenaan dengan transaksi itu, dan hendaklah menyatakan di dalamnya secara berasingan amaun cukai jualan yang kena dibayar dan harga barang-barang itu telah dijual dan juga kuantiti barang-barang yang dijual.

(2) Tiada invois yang menunjukkan suatu amaun yang berupa sebagai cukai jualan boleh dikeluarkan apabila dijual apa-apa barang—

- (a) yang bukan barang kena cukai; atau
- (b) oleh seseorang yang bukan orang kena cukai.

(3) Amaun cukai jualan yang kena dibayar boleh didapatkan oleh orang kena cukai itu daripada pembeli sebagai tambahan kepada harga dan apa-apa amaun lain yang kena dibayar oleh pembeli itu berkenaan dengan barang-barang itu.

(4) (*Dipotong oleh Akta A782*).

Pengeluaran invois melalui komputer

17A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), bagi maksud mana-mana peruntukan di bawah Akta ini berhubung dengan invois, seseorang orang kena cukai hendaklah dianggap telah mengeluarkan suatu invois kepada seseorang pembeli walaupun tiada apa-apa dokumen yang bersamaan dalam bentuk kertas telah diserahkan kepada pembeli itu jika maklumat yang dikehendaki telah dirakamkan dalam komputer dan—

- (a) dihantar kepada pembeli dengan cara elektronik; atau
- (b) dikeluarkan atas apa-apa bahan selain kertas dan diserahkan kepada pembeli itu.

(2) Tiada peruntukan berhubung dengan invois berkomputer boleh dianggap telah dipatuhi melainkan jika orang kena cukai dan pembeli itu—

- (a) telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah secara bertulis—
- (i) untuk menghantar dokumen itu secara elektronik, atau untuk mengeluarkan dokumen itu dengan menggunakan komputer atas apa-apa bahan selain kertas dan untuk menyerahkan dokumen itu; atau
 - (ii) untuk menerima dokumen itu melalui penghantaran atau penyerahan itu,

tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan; dan

- (b) mematuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Kewajipan menyimpan rekod

18. (1) Tiap-tiap orang kena cukai hendaklah, mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, menyimpan rekod penuh dan sebenar yang ditulis kemas kini mengenai segala transaksi yang menyentuh atau mungkin menyentuh tanggungannya terhadap cukai jualan.

(2) Rekod yang dikehendaki disimpan mengikut seksyen ini hendaklah disimpan selama tempoh enam tahun dari tarikh yang terakhir bagi rekod itu.

Memberi penyata

19. (1) Tiap-tiap orang kena cukai hendaklah dalam tempoh dua puluh lapan hari selepas berakhir setiap tempoh cukai menyerahkan kepada pegawai yang hak suatu penyata dalam bentuk yang ditetapkan menyatakan jumlah semua nilai jualan bagi segala barang kena cukai yang telah dijual olehnya dalam tempoh itu, amaun cukai jualan yang kena dibayar atas barang-barang itu dan apa-apa butir lain sebagaimana yang ditetapkan atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah; dan penyata itu hendaklah disahkan dengan akuan dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya membenarkan mana-mana pengilang berlesen menyerahkan penyata yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) pada sesuatu lat tempoh yang lebih lama daripada satu tempoh cukai tetapi walau bagaimanapun sesuatu lat tempoh sedemikian tidak boleh lebih lama daripada enam tempoh cukai berturut-turut.

(3) Sesuatu kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh ditarik balik pada bila-bila masa oleh Ketua Pengarah menurut budi bicaranya dan apabila berlaku yang sedemikian suatu penyata, yang meliputi tempoh mulai dari tempoh cukai berturut yang pertama yang baginya suatu penyata belum diserahkan hingga akhir tempoh cukai yang dalam mana kebenaran itu ditarik balik hendaklah diserahkan dalamnya tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh berakhir tempoh itu dan kemudian daripada itu peruntukan subseksyen (1) hendaklah terpakai.

Pentaksiran cukai atas barang-barang yang dijual atau yang dikilang

20. (1) Sesuatu penyata yang diberikan di bawah seksyen 19 boleh diterima oleh pegawai yang hak sebagai bukti yang cukup mengenai perkara yang terkandung di dalamnya dan cukai jualan boleh ditaksirkan oleh pegawai yang hak dengan sewajarnya.

(2) Jika pegawai yang hak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa jumlah cukai jualan yang ditunjukkan dalam suatu penyata yang dibuat oleh seseorang kena cukai di bawah seksyen 19 sebagaimana yang kena dibayar atas apa-apa barang adalah kurang daripada jumlah yang kena dibayar di bawah Akta ini maka dia boleh mentaksirkan cukai jualan itu mengikut apa-apa amaun yang lebih besar sebagaimana yang difikirkannya patut dan suatu notis bertulis mengenai amaun itu hendaklah disampaikan kepada orang itu.

(3) Jika pegawai yang hak ada sebab untuk mempercayai bahawa cukai jualan kena dibayar atas apa-apa barang di bawah perenggan 6(a) oleh sesiapa yang belum membuat suatu penyata berkenaan dengannya, dia boleh mentaksirkan cukai jualan itu mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang difikirkannya patut dan suatu notis bertulis mengenai amaun itu hendaklah disampaikan kepada orang itu.

Pentaksiran cukai atas barang-barang yang diimport

21. Cukai jualan yang kena dibayar atas apa-apa barang di bawah perenggan 6(b) hendaklah ditaksirkan oleh pegawai yang hak.

BAHAGIAN VIII

PEMUNGUTAN, TUNTUTAN, PENGAMBILAN BALIK,
PEMULANGAN BALIK DAN REMITAN**Bila cukai terhutang dan kena dibayar**

22. (1) Cukai jualan yang boleh dikenakan di bawah perenggan 6(a) adalah terhutang pada masa barang-barang kena cukai itu dijual, dilupuskan dengan apa-apa cara selain jualan atau mula-mula digunakan selain sebagai bahan dalam pengilangan barang-barang kena cukai, oleh orang kena cukai.

(2) Sesuatu cukai jualan yang boleh dikenakan di bawah perenggan 6(a) yang terhutang dalam sesuatu tempoh cukai hendaklah dibayar dalam tempoh dua puluh lapan hari selepas tamat tempoh cukai itu.

(3) Sesuatu cukai jualan yang boleh dikenakan di bawah perenggan 6(b) adalah terhutang dan kena dibayar—

- (a) berkenaan dengan barang-barang yang diluluskan secara terus di pelabuhan import untuk kegunaan dalam negeri atau berkenaan dengan barang-barang yang masuk untuk dipindahkan ke suatu tempat di darat dan di sana diluluskan untuk kegunaan dalam negeri, pada masa kelulusan muktamad Kastam;
- (b) berkenaan dengan barang-barang yang dipindahkan ke gudang Kastam atau gudang berlesen selepas diimport, pada masa kelulusan muktamad dari gudang itu untuk kegunaan dalam negeri.

(4) Jika seseorang kena cukai yang berhenti menjalankan urusan sebagai pengilang digantikan dalam urusan itu oleh seorang yang—

- (a) membeli daripadanya apa-apa stok barang-barang kena cukai yang ada dalam tangan pada tarikh pemberhentian; atau

- (b) memperoleh stok itu sebagai pemegang amanah, atau penerima, atau pelikuidasi atau penerima pemberian, atau penerima faedah atas kematian orang kena cukai itu,

tiada cukai jualan kena dibayar atas pembelian atau pemerolehan itu, tetapi orang itu hendaklah disifatkan sebagai seorang kena cukai dan dikehendaki dilesenkan di bawah seksyen 13 berhubung dengan barang-barang itu bagi maksud Akta ini.

(5) Jika seseorang kena cukai yang berhenti menjalankan urusan sebagai pengilang ada dalam stok apa-apa barang kena cukai yang atasnya cukai jualan belum dibayar dan jika subseksyen (4) tidak terpakai, orang itu hendaklah memasukkan butir-butir mengenai barang-barang itu dalam penyata yang hendak diberikan olehnya bagi tempoh cukainya yang terakhir seolah-olah barang-barang itu telah dijual olehnya dalam masa tempoh cukai itu, dan dia hendaklah membayar cukai jualan atasnya dengan sewajarnya.

Cukai jualan hendaklah dituntut sebagai hutang sivil

23. (1) Tanpa menyentuh apa-apa remedi lain, apa-apa cukai jualan yang terhutang dan kena dibayar dan apa-apa penalti atau surcaj yang terakru di bawah Akta ini boleh dituntut oleh Menteri sebagai suatu hutang sivil yang terhutang kepada Kerajaan.

(2) Dalam apa-apa guaman untuk mendapatkan cukai jualan, penalti atau surcaj, jika ada, di bawah subseksyen (1), pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang memberikan nama dan alamat orang kena cukai dan amaun cukai jualan, penalti atau surcaj, jika ada, yang kena dibayar olehnya hendaklah menjadi kuasa yang cukup untuk Mahkamah memberikan penghakiman untuk amaun yang sama banyaknya.

(3) Apa-apa penalti atau surcaj yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah, bagi maksud Akta ini dan Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*], Ordinan Had Masa Sabah [*Sabah Bab 72*] atau Ordinan Had Masa Sarawak [*Swk. Bab 49*], mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didapatkan seolah-olah penalti atau surcaj itu ialah cukai jualan yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Akta ini dan dengan yang demikian subseksyen 6(4) Akta Had Masa 1953, seksyen 3 Ordinan Had Masa Sabah atau

seksyen 3 Ordinan Had Masa Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak terpakai bagi penalti atau surcaj itu.

(4) Jika suatu invoice menunjukkan bahawa jualan barang-barang kena cukai telah berlaku dengan cukai jualan dikenakan atas barang-barang itu, hendaklah boleh didapatkan daripada orang kena cukai yang telah mengeluarkan invoice itu suatu amaun yang sama banyaknya dengan—

- (a) yang ditunjukkan dalam invoice itu sebagai cukai jualan; atau
- (b) sekian banyak daripada amaun keseluruhan yang ditunjukkan sebagai kena dibayar yang akan dikira sebagai merupakan cukai jualan, jika cukai jualan tidak ditunjukkan secara berasingan dalam invoice,

bagi jualan barang-barang kena cukai itu.

(5) Subseksyen (4) hendaklah juga terpakai jika—

- (a) invoice itu, yang menyatakan suatu amaun yang berupa sebagai cukai jualan yang boleh dikenakan, bukan suatu invoice yang dikeluarkan di bawah seksyen 17 atau 17A;
- (b) invoice itu telah dikeluarkan oleh seorang yang bukan orang kena cukai dan yang telah menjual barang-barang kena cukai atau barang-barang tidak kena cukai yang baginya suatu amaun yang berupa sebagai cukai jualan telah dikenakan; atau
- (c) invoice itu telah dikeluarkan oleh seseorang orang kena cukai yang telah menjual barang-barang yang tidak kena cukai yang baginya suatu amaun yang berupa sebagai cukai jualan telah dikenakan,

dan apa-apa amaun yang berupa sebagai cukai jualan hendaklah dibayar dengan serta merta oleh orang itu dan, jika dia ingkar membayarnya, boleh didapatkan sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Penalti kerana bayaran lambat

24. Jika apa-apa amaun cukai jualan masih belum dibayar selepas hari terakhir ia kena dibayar di bawah subseksyen 22(2) atau kena dibayar semula di bawah seksyen 31D, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) suatu penalti sebanyak sepuluh peratus daripada amaun yang belum dibayar itu hendaklah dibayar;
- **(b)* jika cukai jualan yang terhutang dan kena dibayar masih belum dibayar selama lebih daripada tiga puluh hari selepas hari terakhir ia kena dibayar atau kena dibayar semula, kadar penalti di bawah perenggan *(a)* atas cukai jualan yang belum dibayar itu hendaklah ditambah sebanyak sepuluh peratus bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua selepas hari terakhir itu dan bagi setiap tempoh tiga puluh hari yang berikutnya atau apa-apa bahagian daripadanya yang dalam masanya amaun itu masih belum dibayar hingga ke maksimumnya sebanyak lima puluh peratus.

Barang-barang yang tertakluk kepada kawalan Kastam tidak boleh diserahkan sehingga cukai jualan telah dibayar sebagaimana yang dituntut

25. Mengenai barang-barang kena cukai yang diimport, tiada seorang pun berhak menerima barang-barang itu daripada kawalan Kastam sehingga jumlah wang yang ditaksirkan oleh pegawai yang hak sebagai cukai jualan atas barang-barang itu telah dibayar dengan penuh.

Tanggungannya bersesama dan berasingan pengarah, dll.

26. Jika apa-apa cukai jualan, penalti atau surcaj adalah genap masanya dan kena dibayar oleh—

- (a) syarikat;
- (b) firma; atau
- (c) pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain,

walaupun apa pun peruntukan yang berlawanan dalam Akta ini atau dalam mana-mana Akta lain, pengarah syarikat itu termasuk orang yang menjadi pengarah syarikat itu atau pekongsi firma itu termasuk mana-mana orang yang menjadi pekongsi firma itu atau ahli bagi pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu termasuk orang yang menjadi ahli pertubuhan, persatuan atau

*CATATAN—Dahulu “dua peratus” – lihat Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999 [Akta A1058].

kumpulan orang yang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah bersama dengan pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain jualan itu, bertanggung bersesama dan berasingan bagi cukai jualan, penalti atau surcaj yang kena dibayar itu:

Dengan syarat bahawa berhubung dengan sesuatu syarikat yang sedang digulung, pengarah syarikat itu hanya bertanggung sedemikian jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang kena dibayar, selepas membayar apa-apa amaun yang mempunyai keutamaan di bawah Akta Syarikat 1965 berhubung dengan penggunaan aset syarikat itu dalam penggulungan itu, berbanding cukai jualan, penalti atau surcaj itu.

Orang yang hampir hendak meninggalkan Malaysia

27. Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang orang kena cukai hampir hendak meninggalkan Malaysia sebelum apa-apa cukai jualan yang terhutang olehnya menjadi kena dibayar mengikut Akta ini, cukai jualan itu hendaklah, jika difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, dibayar pada suatu tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan jika tempat orang kena cukai itu berada diketahui oleh Ketua Pengarah, orang kena cukai itu hendaklah diberitahu dengan sewajarnya.

Mendapatkan cukai jualan, dll., daripada orang yang meninggalkan Malaysia

27A. (1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hendak atau berkemungkinan meninggalkan Malaysia tanpa membayar—

- (a) apa-apa cukai jualan yang kena dibayar olehnya;
- (b) apa-apa penalti yang kena dibayar olehnya di bawah seksyen 24;
- (c) apa-apa surcaj yang kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 30(1B); atau
- (d) apa-apa wang lain yang boleh didapatkan daipadanya di bawah Akta ini,

dia boleh mengeluarkan kepada mana-mana Pengarah Imigresen suatu perakuan yang mengandungi butir-butir mengenai cukai

jualan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar sedemikian dengan suatu permintaan supaya orang itu dihalang daripada meninggalkan Malaysia melainkan jika dan sehingga dia membayar cukai jualan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar sedemikian, atau memberikan cagaran yang memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayarannya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan buang negeri atau imigresen, mana-mana Pengarah Imigresen yang menerima suatu permintaan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan seseorang hendaklah menjalankan segala langkah yang boleh termasuk pengambilan dan penyimpanan apa-apa perakuan pengenalan, pasport, permit keluar atau dokumen perjalanan lain yang berhubungan dengan orang itu sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan notis mengenai pengeluaran sesuatu perakuan di bawah subseksyen (1) disampaikan ke diri atau melalui pos berdaftar kepada orang yang kepadanya perakuan itu berkaitan:

Dengan syarat bahawa ketidakterimaan notis itu oleh orang itu tidak boleh mentaksahkan apa-apa yang dibuat di bawah seksyen ini.

(4) Jika orang yang berkenaan dengannya suatu perakuan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) mengemukakan pada atau selepas tarikh perakuan itu suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa semua cukai jualan, penalti, surcaj atau wang lain yang dinyatakan dalam perakuan itu telah dibayar, atau bahawa cagaran telah diberikan bagi pembayarannya, pernyataan itu hendaklah menjadi kuasa yang cukup bagi membenarkan orang itu meninggalkan Malaysia.

(5) Tiada apa-apa prosiding undang-undang boleh dimulakan atau disenggarakan terhadap Kerajaan, sesuatu Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai awam lain berkenaan dengan apa-apa jua yang dibuat dengan sah di bawah seksyen ini.

(6) Dalam seksyen ini, "Pengarah Imigresen" ertinya mana-mana Pengarah Imigresen yang dilantik di bawah subseksyen 3(1A) Akta Imigresen 1959/1963 [*Akta 155*].

Kuasa memungut cukai jualan, dll., daripada orang yang berhutang wang dengan orang kena cukai

28. (1) Jika apa-apa wang berupa cukai jualan, penalti atau surcaj terhutang dan kena dibayar oleh seorang orang kena cukai, Ketua Pengarah boleh, melalui notis dengan bertulis (yang mana satu salinannya hendaklah dihantar kepada orang kena cukai itu di tempat alamatnya yang terakhir diketahui) menghendaki—

- (a) mana-mana orang yang ada apa-apa wang terhutang atau terakru atau mungkin terhutang kepada orang kena cukai;
- (b) mana-mana orang yang memegang atau mungkin kemudiannya memegang wang untuk atau atas akaun orang kena cukai;
- (c) mana-mana orang yang memegang atau mungkin kemudiannya memegang wang atas akaun seseorang lain untuk dibayar kepada orang kena cukai; atau
- (d) mana-mana orang yang mempunyai kuasa daripada seseorang lain untuk membayar wang kepada orang kena cukai,

supaya membayar kepadanya dengan serta-merta, atau dalam suatu tempoh yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, sejumlah wang (yang bukan gaji atau upah yang terhutang atau terakru kepada orang kena cukai itu) atau sekian banyak daripadanya yang cukup untuk membayar wang yang terhutang dan kena dibayar oleh orang kena cukai itu seperti yang disebut terdahulu.

(2) Segala pembayaran yang dilakukan menurut suatu notis di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan dilakukan bagi pihak orang kena cukai itu dan dengan kuasa daripada orang kena cukai itu dan daripada semua orang lain yang berkenaan.

Pengambilan balik

29. Tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini pengambilan balik amaun penuh cukai jualan yang telah dibayar mengenai barang-barang yang kemudiannya dieksport dari Malaysia boleh dibenarkan.

Pembayaran cukai jualan, dll., yang terkurang dibayar atau yang tersilap dipulangkan balik dan bayaran secara ansuran**30. (1) Jika—**

- (a) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana cukai jualan, penalti atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini belum dibayar; atau
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana cukai jualan, penalti atau wang lain setelah dibayar telah tersilap dipulangkan balik,

dengan syarat bahawa suatu tuntutan dibuat dalam masa tiga tahun dari tarikh cukai jualan, penalti atau wang lain itu kena dibayar, atau cukai jualan, penalti atau wang lain yang terkurang dibayar itu telah dibayar, atau bayaran balik itu telah dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang—

- (aa) yang bertanggung membayar—
 - (i) cukai jualan, penalti atau wang lain itu; atau
 - (ii) cukai jualan, penalti atau wang lain yang terkurang dibayar itu; atau
- (bb) yang kepadanya pulangan balik itu telah tersilap dibuat,

hendaklah membayar cukai jualan, penalti atau wang lain, atau cukai jualan, penalti atau wang lain yang terkurang dibayar, atau membayar balik pulangan balik yang telah tersilap dibayar kepadanya itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(1AA) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), apa-apa barang kepunyaan orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang mungkin berada dalam kawalan Eksais atau Kastam atau di suatu tempat atau tempat-tempat yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 13 boleh disita sehingga cukai jualan, penalti atau wang lain, atau cukai jualan, penalti atau wang lain yang terkurang dibayar itu, telah dibayar, atau pulangan balik yang tersilap dibayar kepadanya itu dibayar balik.

(1A) Ketua Pengarah boleh membenarkan cukai jualan atau penalti yang disebut di dalam subseksyen (1) dibayar dengan ansuran, dalam hal keadaan yang ditetapkan melalui peraturan-

peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dalam amaun dan pada tarikh yang boleh ditentukan olehnya; dan jika amaun cukai jualan itu dibenarkan dibayar secara ansuran di bawah subseksyen ini, perenggan 24(b) tidaklah terpakai bagi amaun itu mulai dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran dengan ansuran itu.

(1B) Jika berlaku kegagalan membayar mana-mana satu ansuran di bawah subseksyen (1A) pada tarikh genap masanya untuk bayaran baki amaun yang kena dibayar maka kesemua amaun yang tertunggak hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggung untuk membayar amaun yang kena dibayar itu, dikenakan surcaj yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada baki itu dan surcaj itu hendaklah boleh didapatkan kembali seolah-olah ia genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini.

(1C) Tiada apa-apa dalam subseksyen (1A) dan (1B) boleh menjejaskan perjalanan hak dan kuasa di bawah seksyen ini oleh Ketua Pengarah untuk menyita atau menjual mana-mana barang-barang kepunyaan orang yang bertanggung untuk membayar cukai jualan, penalti atau wang lain bagi mendapatkan amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan (1B) atau mana-mana baki mengenainya.

(2) Sekiranya cukai jualan, penalti atau wang lain atau kekurangan, atau pemulangan balik itu yang patut dibayar balik masih belum dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ketua Pengarah boleh selepas memberikan tidak kurang daripada 30 hari notis bertulis kepada pemunya atau ejennya (jika nama dan alamat pemunya atau ejen itu diketahui olehnya) atau selepas notis sepatutnya dalam *Warta* (jika nama dan alamat pemunya atau ejen tidak diketahui olehnya) menjualkan barang itu.

(3) Hasil daripada jualan mana-mana barang itu hendaklah digunakan untuk membayar cukai jualan, penalti dan wang lain atau mendapatkan amaun yang kena dibayar atau bayaran lain yang mungkin kena dibayar berkenaan dengan penjualan barang itu, dan lebihannya jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya barang itu dan jika pemunya tidak dapat dikesan dalam tempoh satu bulan dari penjualan itu, lebihan itu hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan.

(4) Jika semasa penjualan mana-mana barang itu tiada apa-apa tawaran yang mencukupi didapatkan untuk membayar cukai jualan, penalti atau wang lain yang kena dibayar atau cukai jualan, penalti atau wang lain terkurang dibayar yang kena dibayar atau pulangan balik yang telah tersilap dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka barang-barang itu terlucut hak kepada Kerajaan dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(5) Tiap-tiap penjualan lelong di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan oleh atau di hadapan seorang pegawai kanan cukai jualan.

Penjual boleh memohon pemulangan balik

31. Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan, jika mana-mana pengilang berlesen memperoleh barang-barang daripada seseorang dan cukai jualan telah dibayar dahulu mengenai barang-barang itu, penjual itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah supaya dipulangkan balik cukai jualan yang telah dibayar sedemikian mengenai barang-barang yang berkenaan dengan transaksi itu dengan syarat pengilang itu memegang kelulusan dan kebenaran Ketua Pengarah itu bagi memperoleh barang-barang itu bebas daripada cukai jualan; dan jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa syarat yang ditetapkan telah dipatuhi, dia hendaklah memulangkan balik kepada penjual amaun cukai jualan yang telah dibayar dahulu oleh orang itu mengenai barang-barang itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa pemulangan balik itu boleh dibenarkan melainkan jika tuntutan mengenainya dibuat dalam tempoh satu tahun selepas tarikh transaksi yang dimaksudkan oleh tuntutan itu.

Permohonan untuk pemotongan daripada pengilang berlesen

31A. (1) Seseorang pengilang berlesen boleh memohon kepada Ketua Pengarah, dalam penyata yang dikemukakan olehnya mengikut seksyen 19, untuk mendapatkan potongan apa-apa amaun cukai jualan yang telah dibayar bagi barang-barang yang dibeli olehnya dalam tempoh boleh cukai yang dimaksudkan oleh penyata itu.

(2) Ketua Pengarah hendaklah membenarkan potongan yang dipohon di bawah subseksyen (1) tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan.

Nota kredit

31B. Seseorang pengilang berlesen dalam penyata yang dikemukakan olehnya mengikut seksyen 19 boleh memotong, mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, amaun cukai jualan yang telah dibayar berkenaan dengan barang-barang kena cukai yang dikembalikan oleh pembeli atau diskaun yang kemudiannya diberikan kepada pembeli, daripada amaun cukai jualan yang telah diakaunkan dalam penyata itu:

Dengan syarat bahawa pengilang berlesen itu telah mengeluarkan kepada pembeli suatu nota kredit yang mengandungi butiran yang dikehendaki.

Pulangan balik hutang lapuk

31C. (1) Mana-mana orang yang merupakan orang kena cukai atau yang tidak lagi menjadi orang kena cukai boleh membuat suatu tuntutan kepada Ketua Pengarah supaya dipulangkan balik keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa cukai jualan yang dibayar olehnya berkenaan dengan barang-barang kena cukai jika—

- (a) cukai jualan telah dibayar oleh orang itu pada atau selepas 1 Januari 2003;
 - (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan yang kena dibayar kepada orang itu telah dihapus kira dalam akaunnya sebagai hutang lapuk; dan
 - (c) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa segala usaha yang munasabah telah diambil oleh orang itu untuk mendapatkan cukai jualan itu.
- (2) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (1)—
- (a) tidak menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai itu, orang itu boleh membuat suatu tuntutan bagi keseluruhan cukai jualan yang telah dibayar; atau

Cukai Jualan

41

- (b) telah menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai itu, orang itu boleh membuat tuntutan bagi perbezaan antara cukai jualan yang telah dibayar dengan amaun yang dihitung mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A \times C}{B}$$

- di mana A ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai itu;
- B ialah nilai jualan barang-barang kena cukai itu campur cukai jualan yang kena dibayar atas barang-barang itu; dan
- C ialah cukai jualan yang kena dibayar atas barang-barang itu.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) boleh membuat tuntutan bagi pulangan balik dalam tempoh enam tahun dari tarikh cukai jualan dibayar olehnya.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “hutang lapuk” ertinya baki amaun bayaran yang berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai termasuk cukai jualan yang kena dibayar kepada orang itu tetapi belum dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan oleh, orang itu.

Pembayaran semula pulangan balik

31D. Jika pulangan balik cukai jualan telah dibuat di bawah seksyen 31C oleh Ketua Pengarah kepada seseorang dan apa-apa bayaran berkenaan dengan barang-barang kena cukai yang baginya cukai jualan itu kena dibayar kemudiannya diterima oleh orang itu, orang itu hendaklah membayar semula kepada Ketua Pengarah suatu amaun yang dihitung mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A \times C}{B}$$

- di mana
- A ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan jualan barang-barang kena cukai itu;
 - B ialah nilai jualan barang-barang kena cukai itu campur cukai jualan yang kena dibayar atas barang-barang itu; dan
 - C ialah cukai jualan yang kena dibayar atas barang-barang itu.

Pemulangan cukai jualan atau penalti yang terlebih dibayar atau tersilap dibayar

32. Adalah sah bagi Ketua Pengarah, jika dibuktikan sehingga dia berpuas hati bahawa apa-apa cukai jualan atau penalti telah terlebih dibayar atau tersilap dibayar di bawah Akta ini, untuk memerintahkan pemulangan balik cukai jualan atau penalti yang terlebih dibayar atau tersilap dibayar tertakluk kepada apa-apa had yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada pemulangan balik sedemikian boleh dibenarkan melainkan jika suatu tuntutan berkenaan dengannya dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam masa satu tahun selepas bayaran terlebih atau bayaran tersilap itu dibuat; dan
- (b) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau sama sekali tidak membenarkan apa-apa pemulangan balik yang kena dibayar di bawah seksyen ini setakat yang pemulangan balik itu akan dengan tidak adil mengayakan pihak yang menuntut itu.

Remitan

33. Menteri boleh, jika difikirkannya patut dan saksama untuk berbuat demikian, dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirnya patut dikenakan, meremitkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada cukai jualan yang terhutang dan kena dibayar di bawah Akta ini, atau keseluruhan

atau mana-mana bahagian daripada penalti yang kena dibayar di bawah peruntukan seksyen 24.

BAHAGIAN IX
PEMERIKSAAN, PENGGELEDAHAN, PENYITAAN DAN
PENANGKAPAN

Orang terikat untuk memberikan maklumat

34. (1) Tiap-tiap orang yang mempunyai maklumat mengenai apa-apa perkara yang menjadi kewajipan pegawai yang hak untuk menyiasat berkenaan dengannya hendaklah, apabila dikehendaki olehnya, memberikan maklumat itu.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai yang hak untuk mengemukakan dokumen atau benda lain yang dalam kuasa orang itu untuk mengemukakan, dan yang berupa dokumen atau benda yang dikehendaki di bawah Akta ini atau suatu dokumen atau benda yang digunakan dalam sesuatu transaksi atau perkara lain yang berhubungan dengan cukai jualan atau suatu dokumen atau benda yang menjadi kewajibannya pegawai yang hak untuk menyiasat di bawah Akta ini, hendaklah mengemukakan dokumen atau benda itu.

Pegawai kanan cukai jualan boleh mengambil contoh

35. (1) Mana-mana pegawai kanan cukai jualan boleh pada bila-bila masa, jika kewajibannya memerlukan sedemikian, mengambil contoh apa-apa barang bagi menentukan sama ada ia merupakan barang-barang daripada perihal yang boleh dikenakan cukai jualan, atau bagi menentukan cukai jualan yang kena dibayar atas barang-barang itu, atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang difikirkannya perlu, dan contoh itu boleh dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan olehnya.

(2) Tiada apa-apa pembayaran boleh dilakukan bagi apa-apa contoh yang diambil di bawah subseksyen (1), tetapi pegawai yang hak hendaklah memberikan suatu resit bagi mana-mana contoh itu.

Akses ke tempat atau premis

36. (1) Bagi maksud Akta ini, mana-mana pegawai kanan cukai jualan hendaklah setiap masa mempunyai akses ke mana-mana

tempat atau premis seseorang pengilang atau pengimport menjalankan urusannya.

(2) Jika mana-mana pegawai kanan cukai jualan memasuki mana-mana premis mengikut seksyen ini—

- (a) dia boleh menghendaki pengilang atau pengimport itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengemukakan apa-apa buku, dokumen, atau benda yang pengilang atau pengimport itu dikehendaki menyimpan di bawah Akta ini, atau yang berhubungan dengan mana-mana barang-barang kena cukai;
- (b) dia boleh memeriksa apa-apa buku, dokumen atau benda dan mengambil salinan apa-apa buku atau dokumen;
- (c) dia boleh menyita dan menahan apa-apa buku, dokumen atau benda, jika pada pendapatnya ia boleh memberi keterangan mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini;
- (d) dia boleh menghendaki mana-mana pengilang atau pengimport atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh orang atau pengimport itu untuk menjawab soalan yang berhubungan dengan mana-mana buku, dokumen atau benda, atau yang berhubungan dengan sesuatu catatan dalam mana-mana buku atau dokumen, atau yang berhubungan dengan mana-mana barang-barang kena cukai;
- (e) dia boleh menghendaki dibuka apa-apa bekas, sampul atau tempat muatan lain dalam mana-mana premis itu;
- (f) dia boleh atas risiko dan perbelanjaan pengilang atau pengimport, membuka dan memeriksa mana-mana bungkusan, atau mana-mana barang atau bahan, dalam mana-mana premis itu;
- (g) dia boleh mengambil dan menyimpan tanpa bayaran mana-mana contoh barang atau bahan yang difikirkannya perlu bagi melaksanakan kewajibannya.

(2A) (*Dipotong oleh Akta A1110*).

(2B) (*Dipotong oleh Akta A1110*).

(3) Jika pegawai kanan cukai jualan yang bertindak di bawah seksyen ini tidak dapat akses dengan bebas ke mana-mana premis seseorang pengilang atau pengimport menjalankan urusannya atau tidak dapat akses dengan bebas mana-mana tempat muatan yang terkandung dalamnya, dia boleh, pada bila-bila masa, memasuki premis itu dan membuka, jika perlu dengan kekerasan, mana-mana tempat muatan itu sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(4) Jika, apabila memasuki mana-mana premis di bawah peruntukan seksyen ini dijumpai apa-apa barang kena cukai yang berhubungan dengannya suatu kesalahan di bawah peruntukan Akta ini telah dilakukan, maka barang-barang kena cukai itu boleh dilucuthakkan.

Majistret boleh mengeluarkan waran geledah

37. (1) Apabila ternyata pada seseorang Majistret, daripada maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam sesuatu rumah kediaman, kedai atau bangunan atau tempat lain, atau dalam mana-mana vesel atau mana-mana pesawat udara tersembunyi atau tersimpan apa-apa barang, buku, dokumen atau benda yang boleh memberi keterangan mengenai sesuatu kesalahan terhadap Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang membenarkan mana-mana pegawai cukai jualan yang tersebut namanya dalamnya, pada bila-bila masa, dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) memasuki rumah kediaman, kedai atau bangunan atau tempat lain, vesel atau pesawat udara itu dan di situ mencari dan menyita apa-apa barang, buku, dokumen atau benda itu;
- (b) menangkap mana-mana orang yang berada dalam rumah kediaman, kedai atau bangunan, tempat, vesel atau pesawat udara lain yang dalam miliknya barang-barang itu dijumpai atau yang boleh disyaki dengan munasabah sebagai telah menyembunyikan atau menyimpan barang-barang itu.

(2) Pegawai yang diberi kuasa mengikut subseksyen (1) boleh, jika perlu—

- (a) memecah pintu luar atau pintu dalam rumah kediaman, kedai atau bangunan, tempat, vesel, atau

pesawat udara itu dan memasuki tiap-tiap bahagiannya, jika perlu dengan kekerasan;

- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada apa-apa kemasukan yang dia mempunyai kuasa untuk melakukan pengeledahan dan penyitaan barang-barang;
- (c) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai dalam rumah kediaman, kedai atau bangunan, tempat, vesel atau pesawat udara itu sehingga pengeledahan telah selesai.

Bila pengeledahan boleh dilakukan tanpa waran

38. Apabila ternyata pada pegawai kanan cukai jualan bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana rumah kediaman, kedai atau bangunan, tempat, vesel atau pesawat udara tersembunyi atau tersimpan apa-apa barang, buku, dokumen atau benda yang boleh memberi keterangan mengenai suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan mendapatkan waran geledah, barang-barang, buku, dokumen atau benda itu mungkin dialihkan, dia boleh menggunakan dalam, atas dan mengenai rumah kediaman, atau kedai atau bangunan, tempat, vesel atau pesawat udara lain itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen 37 mengikut cara sama seperti seolah-olah dia diberi kuasa berbuat demikian dengan suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Kuasa untuk memberhentikan dan memeriksa kenderaan, vesel dan pesawat udara

39. (1) Pegawai yang hak boleh memberhentikan dan memeriksa mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara bagi maksud menentukan sama ada apa-apa barang yang mengenainya dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan ada terkandung di dalamnya; dan orang yang mengawal atau menjaga kenderaan, vesel atau pesawat udara itu hendaklah, jika dikehendaki oleh pegawai yang hak, memberhentikan dan membenarkan pegawai yang hak memeriksanya atau memindahkannya ke suatu tempat lain untuk diperiksa, dan tidak boleh meneruskan

perjalanan sehingga kebenaran untuk berbuat demikian telah diberi oleh pegawai yang hak.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara yang diperiksa di bawah seksyen ini hendaklah, apabila diminta oleh pegawai yang hak, membuka semua bahagiannya untuk diperiksa oleh pegawai yang hak dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan pegawai yang hak menjalankan apa-apa pemeriksaan sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer

39A. (1) Mana-mana pegawai kanan cukai jualan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36, 37, 38 dan 39 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer, sama ada disimpan dalam komputer atau selainnya.

(2) Sebagai tambahan, seseorang pegawai kanan cukai jualan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36, 37, 38 dan 39—

- (a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian mana-mana komputer dan apa-apa perkakas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan
- (b) boleh menghendaki—
 - (i) orang yang pegawai kanan cukai jualan itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki menggunakan atau telah menggunakan komputer itu atau yang bagi pihaknya komputer itu digunakan atau telah digunakan sedemikian; atau
 - (ii) orang yang menjaga, atau selainnya terlibat dalam, pengendalian komputer, perkakas atau bahan itu,

supaya memberinya bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), “akses” termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan maklumat berkekod atau data berkomputer itu difahami.

Penyitaan barang-barang yang menjadi perkara kesalahan

40. (1) Semua barang, buku, dokumen atau benda yang mengenainya pegawai yang hak mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa ada apa-apa kesalahan telah dilakukan terhadap Akta ini, atau ada apa-apa pencabulan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau terhadap apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya sesuatu lesen atau permit telah diberikan di bawah Akta ini, dan apa-apa tempat muatan, bungkusan, kenderaan, vesel yang tidak lebih daripada 200 tan berat tan bersih berdaftaranya, atau pesawat udara yang dalamnya barang-barang itu mungkin dijumpai atau yang telah digunakan berkaitan dengan kesalahan atau pencabulan itu, dan mana-mana buku atau dokumen yang boleh disyaki dengan munasabah sebagai ada kena-mengena dengan hal itu boleh disita oleh pegawai yang hak.

(2) Apabila mana-mana barang, tempat muatan, bungkusan, kenderaan, vesel atau pesawat udara disita di bawah Akta ini, pegawai yang hak hendaklah segera memberikan notis bertulis mengenai penyitaan itu dan alasannya kepada pemunya barang-barang, kenderaan, vesel atau pesawat udara itu, jika diketahui, sama ada dengan menyerahkan notis itu kepadanya sendiri atau dengan pos ke tempat tinggalnya, jika diketahui:

Dengan syarat bahawa notis itu tidak dikehendaki diberikan jika penyitaan itu dilakukan pada diri atau di hadapan pesalah atau pemunya atau ejennya atau, mengenai vesel atau pesawat udara di hadapan ketua atau pemandunya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Peruntukan seksyen ini berhubungan dengan penyitaan—

- (a) apa-apa barang adalah terpakai bagi segala kandungan sesuatu bungkusan atau tempat muatan yang dalamnya barang-barang itu dijumpai, dan bagi apa-apa benda yang digunakan untuk menyembunyikannya;

- (b) apa-apa vesel atau pesawat udara adalah juga terpakai bagi takal, kelengkapan dan perabot vesel atau pesawat udara itu;
- (c) apa-apa kenderaan adalah juga terpakai bagi segala kelengkapannya dan jika kenderaan tarikan binatang, bagi mana-mana binatang yang menarik kereta itu.

(4) Mana-mana barang yang mudah musnah, atau mana-mana binatang yang disita di bawah seksyen ini boleh dijual dengan serta-merta dan hasil jualan itu dipegang untuk mematuhi keputusan pendakwaan atau tuntutan itu.

Pelepasan kenderaan, vesel atau pesawat udara di bawah bon

41. Apabila mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara telah disita di bawah Akta ini, pegawai kanan cukai jualan boleh, menurut budi bicaranya memulangkan buat sementara kenderaan, vesel atau pesawat udara itu kepada pemunyanya apabila jaminan diberi dengan memuaskan hati pegawai kanan cukai jualan bahawa kenderaan, vesel atau pesawat udara itu akan diserahkan balik kepadanya apabila diminta.

Kuasa menangkap

42. (1) Mana-mana pegawai cukai jualan boleh menangkap tanpa waran—

- (a) mana-mana orang yang dijumpai melakukan atau cuba melakukan atau menggunakan atau membantu mana-mana orang untuk melakukan, atau bersubahat melakukan, sesuatu kesalahan terhadap Akta ini;
- (b) mana-mana orang yang boleh disyaki dengan munasabah olehnya sebagai ada dalam miliknya apa-apa barang yang boleh disita di bawah Akta ini;
- (c) mana-mana orang yang boleh disyaki dengan munasabah olehnya telah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini,

dan pegawai cukai jualan itu boleh memeriksa atau menyebabkan diperiksa mana-mana orang yang ditangkap sedemikian:

Dengan syarat bahawa—

- (a) mana-mana orang yang meminta supaya dirinya diperiksa di hadapan pegawai kanan cukai jualan tidak boleh diperiksa kecuali di hadapan dan di bawah penyeliaan pegawai itu, tetapi orang itu boleh ditahan sehingga pegawai itu tiba, atau dibawa ke mana-mana pejabat atau balai polis di mana pegawai itu boleh dijumpai;
- (b) barang-barang dan bagasi kepunyaan mana-mana orang yang meminta hendak hadir apabila barang-barang dan bagasinya itu diperiksa dan dengan yang demikian menghadirkan dirinya dalam masa yang munasabah tidak boleh diperiksa kecuali di hadapannya;
- (c) tiada seorang pun perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seorang perempuan lain dengan betul-betul mengambil kira kehendak kesopanan.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah seksyen ini hendaklah dibawa ke balai polis atau ditahan dalam jagaan pegawai yang hak.

(3) Jika mana-mana orang yang boleh ditangkap di bawah Akta ini tidak ditangkap pada masa melakukan kesalahan yang kerananya dia boleh ditangkap itu, atau selepas ditangkap dia lepas lari, dia boleh ditangkap pada bila-bila masa kemudiannya dan tindakan boleh diambil ke atasnya seolah-olah dia telah ditangkap pada masa melakukan kesalahan itu.

(4) Mana-mana pegawai kanan cukai jualan boleh menyebabkan supaya gambar foto dan cap ibu jari orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan terhadap Akta ini diambil.

(5) Tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian boleh dilepaskan daripada jagaan—

- (a) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang hak;
- (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan seorang penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang hak; atau
- (c) apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang hak dan dia menyempurnakan

suatu bon, dengan seorang penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang hak.

(6) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (5) boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai cukai jualan—

- (a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau
- (b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendak dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

BAHAGIAN X

KESALAHAN JENAYAH

Tidak mematuhi notis, dsb.

43. Tanpa menyentuh apa-apa tanggungan yang dilakukan di bawah Akta ini, seseorang yang—

- (a) tidak mematuhi atau enggan mematuhi kehendak seksyen 12, 12A, 13, 17, 17A, 18, 19, 22, atau 28; atau
- (b) menjalankan urusan di mana-mana tempat atau premis yang tidak dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 13;
- (c) tidak mengemukakan atau enggan mengemukakan mana-mana buku atau dokumen untuk diperiksa atau disimpan oleh pegawai yang hak mengikut kehendak Akta ini;
- (d) tidak memberi atau enggan memberi maklumat yang betul atau enggan memberikan apa-apa maklumat yang dia dikehendaki diberikan olehnya berhubung dengan cukai jualan;

- (e) membayar cukai jualan kurang daripada amaun yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (ea) melanggar subseksyen 63A(2);
- (f) menghalang dengan apa-apa cara mana-mana pegawai yang hak menjalankan fungsinya di bawah Akta ini; atau
- (g) berlawanan dengan subseksyen 17(2), mengeluarkan invois menunjukkan suatu amaun yang berupa sebagai cukai jualan,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan orang itu boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

Lari cukai jualan

43A. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja, bertujuan hendak lari cukai jualan atau menolong mana-mana orang lain untuk lari cukai jualan—

- (a) meninggalkan daripada suatu penyata yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini apa-apa maklumat yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang menyentuh amaun yang boleh dikenakan ke atasnya atau orang lain itu sebagai cukai jualan;
- (b) membuat apa-apa pernyataan atau catatan palsu dalam mana-mana penyata, tuntutan atau permohonan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) memberikan apa-apa jawapan palsu, sama ada secara lisan atau bertulis, kepada apa-apa soalan atau permintaan untuk mendapatkan maklumat yang ditanyakan atau dibuat menurut Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) menyediakan, menyenggarakan atau membenarkan penyediaan atau penyenggaraan apa-apa buku akaun palsu, invois palsu atau rekod palsu lain, atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan mana-mana buku akaun, invois atau rekod; atau

- (e) menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa tipuan, helah atau rekaan,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan orang itu boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika dalam mana-mana prosiding di bawah seksyen ini dibuktikan bahawa suatu pernyataan palsu atau catatan palsu (sama ada secara peninggalan atau selainnya) telah dibuat dalam suatu penyata, tuntutan atau permohonan yang diberikan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang, atau dalam mana-mana buku akaun, invois atau rekod lain yang disenggarakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang, orang itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu itu dengan tujuan untuk lari cukai jualan.

(3) Sesuatu sebutan dalam seksyen ini tentang seseorang yang menggunakan apa-apa tipuan, helah atau rekaan, atau membenarkan penggunaan apa-apa tipuan, helah atau rekaan untuk lari cukai jualan termasuk sebutan tentang seseorang yang, tanpa kebenaran Ketua Pengarah—

- (a) memusnahkan, merosakkan, memadamkan atau dengan cara lain memanipulasikan data yang disimpan dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer;
- (b) memasukkan ke dalam atau merakamkan atau menyimpan dalam suatu komputer, dengan apa-apa cara, data bagi maksud—
- (i) memusnahkan, merosakkan, memadamkan atau mengubah data lain yang disimpan dalam komputer itu; atau
 - (ii) mengganggu dengan, menyampuk atau menghalang penggunaan sah komputer itu, atau data yang disimpan dalam komputer itu; atau
- (c) dengan cara lain menggunakan komputer,

yang tujuan atau akibatnya ialah untuk lari cukai jualan.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), “data” termasuklah apa-apa program komputer atau sebahagian daripada suatu program komputer yang merupakan suatu program yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk digunakan di bawah seksyen 17A atau 18, atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Menyubahati kesalahan

44. Jika mana-mana orang—

- (a) membantu, menyubahati, menolong, mengapiakan atau mendorong mana-mana orang lain untuk membuat atau membuat bagi pihak orang lain suatu penyata, akaun, pernyataan atau akuan yang tidak betul yang mengakibatkan cukai jualan terkurang dibayar oleh orang yang bertanggung membayar cukai itu; atau
- (b) membantu, menyubahati, menolong, mengapiakan atau mendorong mana-mana orang lain untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 43,

orang yang mula-mula disebut adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

45. (1) Jika suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain, sesiapa jua yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain atau ialah pekongsi bagi syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak dalam jawatan itu hendaklah disifatkan melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala daya usahanya untuk mengelakkan kesalahan itu daripada dilakukan sebagaimana yang patut dijalankan olehnya memandang kepada jenis fungsinya dalam jawatan itu dan kepada segala hal keadaan.

(2) Jika seseorang boleh dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman, penalti atau pelucuthakan kerana apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran maka dia boleh dikenakan hukuman, penalti atau pelucuthakan itu juga kerana tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran pada pihak seseorang kerani, pekhidmat atau ejen, atau pada pihak kerani atau pekhidmat ejen itu dengan syarat bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh kerani, atau pekhidmat itu dalam perjalanan pekerjaannya atau oleh ejen itu apabila bertindak bagi pihak orang itu atau oleh kerani atau pekhidmat ejen itu apabila bertindak dalam perjalanan pekerjaannya dalam sesuatu hal bahawa jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh ejen maka prinsipalnya tetap boleh dikenakan tanggungan di bawah seksyen ini.

46. *(Dipotong oleh Akta A1110).*

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN MENGENAI PERBICARAAN DAN PROSIDING

Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa penuh

47. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa bagi membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan bagi mengenakan hukuman di bawah Akta ini bagi kesalahan itu.

Pemeriksaan sebahagian barang-barang yang diambil hendaklah diterima oleh mahkamah

48. (1) Apabila apa-apa barang yang disyaki sebagai barang-barang kena cukai atau selainnya boleh kena diambil telah diambil, maka memadailah dibuka dan diperiksa lima peratus sahaja daripada setiap jenis bungkusan atau tempat muatan yang mengandungi barang-barang itu.

(2) Jika didapati perlu untuk menguji mana-mana barang yang diambil di bawah Akta ini, maka memadailah diuji hanya suatu

contoh yang tidak melebihi lima peratus isipadu atau berat barang-barang yang diperiksa di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa barang-barang yang terkandung dalam bungkusan atau tempat muatan yang tidak dibuka itu adalah sama jenis, kuantiti dan kualitinya dengan barang-barang yang didapati dalam bungkusan atau tempat muatan seumpamanya yang telah dibuka itu.

Keterangan mengenai analisis boleh diberikan secara bertulis

49. (1) Dalam sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini, suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seorang juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh pendakwa, menjadi keterangan yang cukup mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya melainkan jika defendan menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai saksi dan jika demikian halnya defendan itu hendaklah memberikan notis itu kepada pendakwa tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum hari saman itu kena dipulangkan; dan demikian juga suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh defendan, menjadi keterangan yang cukup mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya melainkan jika pendakwa menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai saksi.

(2) Satu salinan perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada defendan atau pendakwa, mengikut mana-mana yang berkenaan sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran saman itu, dan jika ia tidak dihantar sedemikian mahkamah boleh menangguhkan pendengaran itu atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Dalam seksyen ini “juruanalisis” ertinya—

- (a) seorang yang bekerja sebagai Ahli Kimia dalam Jabatan Kimia, atau sebagai Ahli Kimia atau Penolong Ahli Kimia di Pusat Penyelidikan Perubatan;
- (b) Ahli Kimia Kanan, Jabatan Pertanian;
- (c) seorang yang bekerja sebagai Ahli Kimia, atau Ahli Kaji Bumi di Jabatan Kaji Bumi; dan
- (d) mana-mana orang lain atau golongan orang lain yang diisytiharkan oleh Menteri yang bertanggungjawab

bagi kimia, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, sebagai juruanalisis bagi maksud seksyen ini.

(4) Jika seorang juruanalisis dipanggil oleh defendan sebagaimana diperuntukkan oleh subseksyen (1) seksyen ini, dia hendaklah dipanggil atas perbelanjaan defendan itu melainkan jika diarahkan selainnya oleh mahkamah.

(5) Jika dalam sesuatu pembicaraan atau prosiding di bawah Akta ini adalah perlu ditentukan kandungan alkohol bagi apa-apa minuman keras maka perakuan pegawai yang hak mengenai kandungan alkohol itu hendaklah diterima seolah-olah pegawai yang hak itu ialah seorang juruanalisis dan dalam sesuatu hal yang demikian itu peruntukan subseksyen (1) dan (4) seksyen ini terpakai dengan cara yang sama dan hingga takat yang sama seolah-olah pegawai yang hak itu ialah seorang juruanalisis.

Bukti tentang pendaftaran atau pelesenan vesel dan kenderaan di Malaysia atau Singapura

50. Jika dalam sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini adalah berkaitan untuk menentukan butir-butir tentang pendaftaran atau pelesenan mana-mana vesel atau kenderaan yang didaftarkan atau dilesenkan di mana-mana pelabuhan atau tempat dalam Malaysia atau di Singapura, suatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa ini di Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau di Singapura bagi pendaftaran atau pelesenan itu adalah menjadi keterangan *prima facie* tentang segala butir berkenaan dengan pendaftaran atau pelesenan yang terkandung dalamnya, dan beban bagi membuktikan tidak betulnya mana-mana butiran yang dinyatakan dalam perakuan itu terletak pada orang yang menafikannya.

Cara penyitaan tidak akan disiasat dalam pembicaraan di hadapan mahkamah atau atas rayuan kepada Mahkamah Tinggi

51. Dalam sesuatu pembicaraan di hadapan mana-mana mahkamah dan dalam sesuatu prosiding atas rayuan dalam Mahkamah Tinggi, yang berhubungan dengan penyitaan barang-barang tertakluk kepada pelucuthakan di bawah Akta ini,

mahkamah hendaklah menjalankan perbicaraan itu atau mendengar rayuan itu mengikut merit kes itu sahaja, tanpa menyiasat berkenaan dengan cara dan bentuk penyitaan itu dilakukan, kecuali setakat yang cara dan bentuk penyitaan itu menjadi keterangan mengenai merit itu.

Obligasi kerahsiaan

51A. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 52, nama dan alamat seseorang pemberi maklumat dan isi maklumat yang diterima daripada seseorang pemberi maklumat hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana pegawai yang hak atau mana-mana orang yang dalam perjalanan biasa tugasnya memperoleh atau mengawal atau mendapat akses kepada maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai cukai jualan ditetapkan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

52. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada seorang saksi dalam sesuatu prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini diwajibkan atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat seseorang pemberi maklumat, atau isi maklumat yang diterima daripadanya, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika mana-mana buku, dokumen atau kertas, yang dikemukakan sebagai keterangan atau yang mungkin kena diperiksa dalam sesuatu prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini, mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya seorang pemberi maklumat disebut namanya atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui, mahkamah hendaklah mengarahkan semua bahagiannya itu ditutup daripada pandangan atau dipadamkan, tetapi hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah, selepas menjalankan siasatan penuh berkenaan dengan kes itu, percaya bahawa pemberi maklumat itu telah dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu kenyataan yang dia ketahui palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar, atau jika dalam sesuatu prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalamnya tanpa diketahui pemberi maklumat itu, maka sahlah bagi mahkamah menghendaki supaya dikemukakan pengaduan asal itu, jika bertulis, dan membenarkan supaya dijalankan siasatan berkenaan dengan pemberi maklumat itu dan menghendaki supaya didedahkan dengan sepenuhnya segala hal mengenainya.

Barang-barang yang boleh disita boleh dilucuthakkan

53. (1) Semua barang yang boleh disita di bawah peruntukan Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 54, 55, 56, 58 dan 60 perkataan “barang-barang” hendaklah disifatkan sebagai termasuk tempat muatan, kenderaan, vesel dan pesawat udara.

(3) Segala benda yang dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah dan hendaklah dilupuskan mengikut arahnya.

Mahkamah hendaklah memerintah barang-barang yang disita supaya dilupuskan

54. (1) Sesuatu perintah untuk melucuthakkan atau untuk melepaskan apa-apa benda yang boleh dilucuthakkan di bawah peruntukan Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang pendakwaan telah diadakan berkenaan dengannya.

(2) Sesuatu perintah untuk melucuthakkan barang-barang hendaklah dibuat sekiranya dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang-barang itu merupakan hal perkara, atau telah digunakan dalam melakukan, kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

Barang-barang yang disita jika tiada apa-apa pendakwaan berkenaan dengannya disifatkan dilucuthakkan jika tidak dituntut dalam tempoh satu bulan

55. (1) Jika tiada pendakwaan dimulakan berkenaan dengan barang-barang yang disita di bawah Akta ini, barang-barang itu hendaklah disifatkan dilucuthakkan apabila tamat satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(2) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barang-barang itu dan bahawa barang-barang itu tidak boleh dilucuthakkan boleh memberi notis dengan bertulis, sama ada sendirinya atau melalui ejennya yang diberi kuasa dengan bertulis bagi maksud itu, kepada pegawai kanan cukai jualan bahawa dia menuntut barang-barang itu.

(3) Apabila menerima notis itu pegawai kanan cukai jualan hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah boleh mengarahkan supaya barang-barang itu dilepaskan atau boleh mengarahkan mana-mana pegawai kanan cukai jualan, melalui maklumat dalam bentuk yang ditetapkan, supaya merujuk perkara itu kepada Hakim Mahkamah Sesyen untuk keputusannya.

(4) Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barang-barang itu dan orang yang daripadanya barang-barang itu telah disita supaya hadir di hadapannya dan apabila mereka hadir atau tidak hadir manakala saman itu dibuktikan sebagai telah disampaikan dengan sepenuhnya, Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah menjalankan pemeriksaan mengenai perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang-barang itu merupakan hal perkara, atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, dia hendaklah memerintahkan supaya barang-barang itu dilucuthakkan, atau jika tiada bukti sedemikian, dia boleh memerintahkan supaya barang-barang itu dilepaskan.

(5) Dalam sesuatu prosiding di bawah subseksyen (4), seksyen ini, seksyen 58 hendaklah terpakai bagi orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barang-barang itu dan bagi orang yang

daripadanya barang-barang itu telah disita seolah-olah pemunya atau orang itu ialah defendan dalam suatu pendakwaan di bawah Akta ini.

Menteri boleh memerintahkan supaya barang-barang yang disita dikembalikan

56. (1) Pemunya atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam mana-mana barang yang disita boleh, sebelum tamat satu bulan kalendar dari tarikh barang-barang itu dilucuthakkan, atau dari tarikh barang-barang itu disifatkan dilucuthakkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, membuat permohonan kepada Menteri supaya barang-barang itu dikembalikan.

(2) Selepas sesuatu permohonan dibuat mengikut subseksyen (1), Menteri boleh memerintahkan mana-mana barang yang disita di bawah Akta ini, sama ada dilucuthakkan atau tidak, diserahkan kepada pemunya atau kepada mana-mana orang yang berhak kepadanya atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Mengkompaun kesalahan

***57.** (1) Mana-mana pegawai kanan cukai jualan boleh mengkompaun sesuatu kesalahan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh kompaun, dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima ribu ringgit.

(2) Apabila dibayar jumlah wang itu, orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu, jika dalam jagaan, hendaklah dilepaskan, dan apa-apa barang yang disita hendaklah dilepaskan dan tiada apa-apa prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang atau barang-barang itu.

Beban membuktikan

58. Jika dalam sesuatu pendakwaan berkenaan dengan apa-apa barang yang telah disita kerana tidak dibayar cukai jualan atau

**CATATAN*— Dahulu “satu ribu ringgit” – lihat Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999 [Akta A1058].

kerana apa-apa sebab pelucuthakan atau kerana menuntut sesuatu penalti di bawah Akta ini, timbul sesuatu pertikaian sama ada cukai jualan telah dibayar berkenaan dengan barang-barang itu atau sama ada apa-apa barang dikecualikan daripada cukai jualan maka dan dalam tiap-tiap hal itu beban membuktikannya hendaklah terletak pada defendan dalam pendakwaan itu.

Sabitkan di bawah undang-undang lain

59. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menghalang seseorang daripada didakwa, disabitkan dan dihukum mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang pada masa ini berkuat kuasa di Malaysia atau di mana-mana bahagiannya:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dihukum lebih daripada sekali bagi kesalahan yang sama.

Perintah mahkamah

59A. Jika mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen 43 atau 43A, mahkamah yang mendapati orang itu bersalah hendaklah memerintahkan orang itu membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai jualan yang genap masanya dan kena dibayar, atau apa-apa penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakui oleh Ketua Pengarah dan cukai jualan atau penalti itu hendaklah boleh didapatkan dengan cara yang sama seperti suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Tiada kos atau ganti rugi akibat penyitaan boleh dituntut melainkan jika penyitaan itu dilakukan tanpa sebab yang munasabah atau barangkali

60. Dalam sesuatu prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang yang telah disita pada menjalankan atau pada berupa menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, tiada seseorang pun berhak mendapat kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain kecuali suatu perintah supaya dikembalikan barang-barang itu atau supaya dibayar nilainya melainkan jika barang-barang itu telah disita tanpa sebab yang munasabah atau barangkali.

Perlindungan pegawai awam

60A. Tiada apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang pegawai awam semasa menjalankan tugasnya boleh disifatkan sebagai suatu kesalahan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XII

PERATURAN-PERATURAN

Peraturan-peraturan

61. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan dan mengawal selia—

- (a) pengeluaran lesen;
- (b) tempat yang cukai jualan hendaklah dibayar dan dipungut;
- (ba) pengeluaran invois dengan menggunakan komputer;
- (bb) segala perkara yang berkaitan dengan nota kredit;
- (c) remitan amaun kecil cukai jualan, menurut budi bicara Ketua Pengarah;
- (d) borang yang hendaklah digunakan di bawah dan bagi maksud yang berhubungan dengan Akta ini;
- (da) segala perkara yang berhubungan dengan hutang lapuk bagi maksud Akta ini;
- (db) penentuan nilai bagi maksud subseksyen 7(1);
- (e) apa-apa jua yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini supaya ditetapkan atau dibuat peraturan;
- (f) pada amnya bagi menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN XIII

PELBAGAI

Penyampaian notis, dll.

62. (1) Tiap-tiap notis, arahan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini supaya disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan—

- (a) ke diri orang itu; atau
- (b) dengan menghantarnya kepada orang itu melalui pos berdaftar.

(2) Sesuatu notis, arahan atau dokumen lain yang dihantar melalui pos berdaftar kepada seseorang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada masa ia sepatutnya telah diserahkan kepadanya dalam perjalanan biasa pos itu jika notis, arahan atau dokumen lain itu telah dialamatkan—

- (a) dalam hal suatu syarikat, suatu firma, suatu pertubuhan, suatu persatuan atau kumpulan orang yang lain—
 - (i) ke pejabat berdaftaranya;
 - (ii) ke alamatnya yang terakhir diketahui; atau
 - (iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses; dan
- (b) dalam hal orang perseorangan, ke alamatnya yang terakhir diketahui.

Kerani dan pekhidmat boleh menjalankan urusan

63. Kerani atau pekhidmat bagi mana-mana orang boleh menjalankan urusan pada amnya dengan mana-mana pegawai yang hak bagi pihak orang itu:

Dengan syarat bahawa seseorang pegawai boleh enggan untuk menjalankan urusan dengan kerani atau pekhidmat itu melainkan jika orang itu mengenalkan kerani atau pekhidmat itu kepada pegawai itu sebagai mempunyai kuasa untuk menjalankan urusan.

Penjalanan urusan bagi pihak orang kena cukai

63A. (1) Tertakluk kepada seksyen 63, tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa urusan berhubung dengan Akta ini bagi pihak mana-mana orang kena cukai, kecuali tentang perkara yang berkaitan dengan—

- (a) pembayaran balik;
- (b) remitan;

- (c) pengecualian; atau
- (d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Orang yang menjalankan urusan tentang mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bagi pihak seseorang orang kena cukai hendaklah—

- (a) mengemukakan surat kebenaran daripada orang kena cukai yang diwakilinya; dan
- (b) jika mana-mana borang yang ditetapkan dikehendaki supaya diserahkan bagi maksud perkara yang urusan tentangnya dijalankan, mengemukakan borang itu yang telah ditandatangani oleh orang kena cukai, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh pegawai kanan kastam.

Pemegang lesen hendaklah memberikan perakuan audit

64. Ketua Pengarah boleh menghendaki seseorang pemegang lesen supaya mengemukakan tiap-tiap tahun suatu perakuan audit yang ditandatangani oleh seorang akauntan awam yang bukan dalam perkhidmatan pemegang lesen itu, berhubung dengan buku dan rekod yang dikehendaki disimpan oleh pemegang lesen di bawah peruntukan Akta ini berkenaan dengan pengeluaran dan penjualan barang-barang kena cukai yang dikilang olehnya.

Hadiah

65. Ketua Pengarah boleh memerintahkan supaya dibayar apa-apa hadiah yang difikirkannya patut kepada mana-mana pegawai atau mana-mana orang lain kerana perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan penemuan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.

Borang yang hendaklah digunakan

66. Jika sesuatu borang telah ditetapkan di bawah seksyen 61 tiada seseorang pun boleh, bagi maksud Akta ini, menggunakan mana-mana borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan dengan kuasa Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya, dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, membenarkan mana-mana orang menggunakan borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan sedemikian seperti yang disebut terdahulu, atau membenarkan penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik.

Kuasa Ketua Pengarah untuk mengenakan fi

67. Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa fi sebagaimana yang pada pendapatnya munasabah berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkhidmatan yang dilakukan atau yang diberikan olehnya atau oleh mana-mana pegawai dan perbuatan atau perkhidmatan itu tidak dikehendaki dilakukan atau diberikan di bawah Akta ini dan tiada apa-apa fi ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis baginya.

Pertikaian dan rayuan

68. (1) Jika seseorang mempertikaikan keputusan seseorang pegawai yang hak yang bertindak semasa menjalankan kewajipan di bawah seksyen 3 dia boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Ketua Pengarah dan, tertakluk kepada subseksyen (2), keputusan Ketua Pengarah mengenai pertikaian itu adalah muktamad.

(2) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan Ketua Pengarah boleh dalam tempoh tiga puluh hari selepas diberitahu keputusan itu—

- (a) dalam hal yang berhubungan dengan pemulangan balik cukai jualan di bawah seksyen 31C, merayu kepada mahkamah; atau
- (b) dalam hal dan perkara lain, merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

Pelikuidasi syarikat hendaklah memberikan notis penggulungan, dan hendaklah mengasingkan cukai

69. (1) Jika selepas diluluskan Akta ini suatu ketetapan yang berkesan diluluskan atau suatu perintah dibuat supaya sesuatu

syarikat pengilang berlesen atau pengimport digulung, pelikuidasi syarikat itu hendaklah memberikan notis mengenainya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh empat belas hari kemudiannya dan sebelum melupuskan mana-mana aset syarikat itu dia hendaklah mengasingkan daripada aset itu sejumlah wang yang ternyata pada Ketua Pengarah cukup untuk memperuntukkan cukai jualan yang kena atau yang akan kemudian daripada itu kena dibayar berkenaan dengan syarikat itu dan hendaklah membayar cukai jualan itu.

(2) Pelikuidasi bagi mana-mana syarikat itu yang tidak memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau yang tidak memperuntukkan bayaran cukai jualan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen itu adalah bertanggung sendiri bagi apa-apa cukai jualan yang kena atau genap masanya dibayar seperti yang disebut terdahulu.

(2A) Mana-mana penyelesaian hutang piutang yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Jika dua orang atau lebih dilantik menjadi pelikuidasi atau dikehendaki oleh undang-undang untuk menjalankan penggulungan mana-mana syarikat itu, obligasi dan tanggungan yang dikenakan ke atas seseorang pelikuidasi di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan ke atas semua orang itu bersesama dan berasingan, tertakluk kepada hak memberikan sumbangan antara mereka seperti dalam hal kontrak.

Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah

70. (1) Jika seorang penerima dilantik bagi harta seorang pengilang berlesen atau pengimport, penerima itu hendaklah memberi notis mengenainya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh empat belas hari kemudiannya dan sebelum melupuskan mana-mana aset pengilang berlesen atau pengimport itu, penerima itu hendaklah mengasingkan daripada aset itu sejumlah wang yang ternyata pada Ketua Pengarah cukup untuk memperuntukkan cukai jualan yang kena dibayar atau yang akan kemudian daripada itu kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang telah dijual atau dikilang oleh pengilang berlesen atau

pengimport itu sebelum pelantikan penerima itu, dan hendaklah membayar cukai jualan itu.

(2) Seseorang yang dilantik sebagai penerima yang tidak memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau yang tidak memperuntukkan bayaran cukai jualan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen itu bertanggung sendiri bagi apa-apa cukai jualan yang kena atau genap masanya dibayar seperti yang disebut terdahulu.

(2A) Mana-mana penerima yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai penerima, obligasi dan tanggungan yang dikenakan ke atas seseorang penerima di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan ke atas semua orang itu bersesama dan berasingan, tertakluk kepada hak memberikan sumbangan antara mereka seperti dalam hal kontrak.

Tempoh cukai selain dua bulan kalendar

71. Bagi maksud Akta ini penyata boleh diterima oleh pegawai yang hak bagi apa-apa tempoh cukai yang bukan sebulan kalendar dan dalam pemakaian seksyen 19 istilah “tempoh cukai” hendaklah bererti tempoh mengakaun dan hari terakhir tempoh mengakaun hendaklah disifatkan sebagai akhir tempoh cukai.

BAHAGIAN XIV

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN LABUAN

Tafsiran

72. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kawasan utama kastam” ertinya Malaysia tidak termasuk Labuan, Langkawi dan Tioman;

“Labuan” ertinya Pulau Labuan dan pulau takluknya iaitu Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat.

Cukai jualan atas barang-barang yang diimport ke Labuan atau yang dieksport dari Labuan, atau yang dipindahkan ke Labuan atau dari Labuan, dari atau ke kawasan utama kastam

73. Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini—

- (a) tiada apa-apa cukai jualan kena dibayar atas apa-apa barang kena cukai yang diimport ke Labuan atau yang dipindahkan ke Labuan dari kawasan utama kastam, melainkan mana-mana barang kena cukai yang dari semasa ke semasa diisytiharkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;
- (b) cukai jualan hendaklah kena dibayar atas segala barang kena cukai yang diangkut ke kawasan utama kastam dari Labuan bagi segala maksud seolah-olah pengangkutan ke kawasan utama kastam adalah pengimportan ke Malaysia;
- (c) nilai jualan barang-barang yang boleh dikenakan cukai jualan mengikut perenggan (b) hendaklah ditentukan mengikut peruntukan subseksyen 7(2).

Barang-barang yang dikilang di Labuan disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia

74. Bagi maksud Akta ini, barang-barang yang dikilang di Labuan disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia.

Pengangkutan barang-barang ke atau dari Labuan, dari atau ke kawasan utama kastam

75. Jika barang-barang diangkut—

- (a) dari Labuan ke kawasan utama kastam; atau
- (b) dari kawasan utama kastam ke Labuan,

peruntukan Akta ini hendaklah, dengan apa-apa ubah suaian dan adaptasi yang perlu, terpakai seolah-olah barang-barang itu telah diimport ke kawasan utama kastam atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dieksport dari kawasan utama kastam dari atau ke

suatu tempat luar Malaysia dan tanpa menyentuh keluasan makna yang disebut terdahulu, peruntukan Bahagian IX hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Labuan atau dari Labuan dari atau ke kawasan utama kastam dan bagi orang dan vesel dan pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu seolah-olah Labuan ialah suatu tempat luar Malaysia.

Akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Labuan ke kawasan utama kastam

76. Orang yang menjaga mana-mana vesel atau pesawat udara dalam masa barang-barang diangkut dari Labuan ke kawasan utama kastam hendaklah membuat suatu akuan yang pada matannya mengikut bentuk yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa dengan memberikan butiran mengenai barang-barang yang diangkut dalam vesel atau pesawat udara itu.

Barang-barang kena cukai hendaklah disifatkan sebagai tidak kena cukai semasa berada di Labuan

77. Apa-apa barang kena cukai, hendaklah semasa berada di Labuan, disifatkan sebagai tidak kena cukai dan peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa peruntukan yang disebut terdahulu tidak terpakai bagi mana-mana barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai apabila diimport ke Labuan.

Pemungutan cukai di Labuan

78. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 61 Akta ini, Menteri boleh mengadakan peruntukan bagi—

- (a) memungut di Labuan cukai jualan yang kena dibayar bagi barang-barang yang diangkut atau yang hendak diangkut dari atau ke Labuan ke kawasan utama kastam atau dari kawasan utama kastam;
- (b) mengehendak atau menyekat vesel dan pesawat udara yang mungkin digunakan bagi mengangkut barang-barang itu; dan
- (c) melesenkan atau mengawal orang atau vesel atau pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu.

Pemakaian seksyen 29 bagi barang-barang yang diangkut ke Labuan

79. Seksyen 29 hendaklah terpakai bagi barang-barang (melainkan apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai apabila diimport ke Labuan) yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Labuan seolah-olah barang-barang itu telah dieksport atau dieksport semula, mengikut mana-mana yang berkenaan.

BAHAGIAN XV

80. *(Dipotong oleh Akta 293).*

BAHAGIAN XVI

81. *(Dipotong oleh Akta 329).*

82. *(Dipotong oleh Akta 329).*

BAHAGIAN XVII

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN
LANGKAWI

Tafsiran

83. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kawasan utama kastam” ertinya Malaysia tidak termasuk Labuan, Langkawi dan Tioman;

“Langkawi” ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dan terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada dengan tanah besar.

Cukai jualan atas barang-barang yang diimport atau yang diangkut ke Langkawi dari kawasan utama kastam

84. Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, tiada cukai jualan kena dibayar atas apa-apa

barang kena cukai yang diimport atau diangkut ke Langkawi dari kawasan utama kastam selain barang-barang kena cukai yang diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Barang-barang yang dikilang di Langkawi disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia

85. Bagi maksud Akta ini barang-barang yang dikilang di Langkawi disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia.

Pengangkutan barang-barang ke Langkawi dari kawasan utama kastam atau dari Langkawi ke kawasan utama kastam

86. Jika barang-barang diangkut—

- (a) dari Langkawi ke kawasan utama kastam; atau
- (b) dari kawasan utama kastam ke Langkawi,

peruntukan Akta ini hendaklah, dengan apa-apa ubah suaian dan adaptasi yang perlu, terpakai seolah-olah barang-barang itu telah diimport masuk ke dalam, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dieksport dari, kawasan utama kastam dari atau ke suatu tempat di luar Malaysia, dan tanpa menyentuh keluasan makna yang disebut terdahulu, Bahagian IX hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Langkawi dari kawasan utama kastam atau dari Langkawi ke kawasan utama kastam dan bagi orang dan vesel dan pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu seolah-olah Langkawi ialah suatu tempat di luar Malaysia.

Akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam

87. Orang yang menjaga mana-mana vesel atau pesawat udara dalam masa barang-barang diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam hendaklah membuat suatu akuan yang pada matannya mengikut bentuk yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang

sedang berkuat kuasa dengan memberikan butir-butir mengenai barang-barang yang diangkut dalam vesel atau pesawat udara itu.

Barang-barang kena cukai hendaklah disifatkan sebagai tidak kena cukai semasa berada di Langkawi

88. Apa-apa barang kena cukai hendaklah, semasa berada di Langkawi, disifatkan sebagai tidak kena cukai dan peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa peruntukan yang disebut terdahulu tidaklah terpakai berkenaan dengan mana-mana barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai apabila diimport ke Langkawi.

Pemungutan cukai di Langkawi

89. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 61 Akta ini, Menteri boleh mengadakan peruntukan—

- (a) bagi pemungutan di Langkawi cukai jualan yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hampir hendak diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam atau ke Langkawi dari kawasan utama kastam;
- (b) bagi batasan atau sekatan vesel dan pesawat udara yang boleh digunakan untuk mengangkut barang-barang itu; dan
- (c) bagi pelesenan atau pengawalan orang atau vesel atau pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu.

Pemakaian seksyen 29 bagi barang-barang yang diangkut ke Langkawi

90. Seksyen 29 hendaklah terpakai bagi barang-barang (selain apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai apabila diimport ke Langkawi) yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Langkawi seolah-olah barang-barang itu telah

dieksport atau dieksport semula, mengikut mana-mana yang berkenaan.

BAHAGIAN XVIII

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN
TIOMAN**Tafsiran**

90A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kawasan utama kastam” ertinya Malaysia tidak termasuk Labuan, Langkawi dan Tioman;

“Tioman” ertinya Pulau Tioman dan pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat.

Cukai jualan berhubungan dengan Tioman

90B. Walau apa pun apa-apa yang terkandung yang berlawanan dalam Akta ini, tiada cukai jualan adalah kena dibayar atas apa-apa barang kena cukai yang diimport masuk ke Tioman atau diangkut ke Tioman dari kawasan utama kastam selain barang-barang kena cukai yang boleh diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Barang-barang yang dikilang di Tioman disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia

90C. Bagi maksud Akta ini, barang-barang yang dikilang di Tioman hendaklah disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Malaysia.

Pengangkutan barang-barang dari atau ke Tioman ke atau dari kawasan utama kastam

90D. Jika barang-barang diangkut—

(a) dari Tioman ke kawasan utama kastam; atau

(b) dari kawasan utama kastam ke Tioman,

peruntukan Akta ini hendaklah, dengan apa-apa ubah suaian dan adaptasi yang perlu, terpakai seolah-olah barang-barang itu telah diimport masuk ke dalam, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dieksport keluar dari, kawasan utama kastam dari atau ke suatu tempat di luar Malaysia, dan tanpa menjejaskan keluasan tersebut di atas, Bahagian IX hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Tioman dari kawasan utama kastam atau dari Tioman ke kawasan utama kastam dan bagi orang dan kenderaan, vesel dan pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu seolah-olah Tioman ialah suatu tempat di luar Malaysia.

Akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam

90E. Orang yang menjaga mana-mana vesel atau pesawat udara yang di dalamnya barang-barang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam hendaklah membuat suatu akuan yang pada keseluruhan isinya mengikut bentuk seperti yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa dengan memberi butir-butir barang yang diangkut di dalam vesel atau pesawat udara itu.

Barang-barang kena cukai disifatkan sebagai tidak kena cukai semasa berada di Tioman

90F. Apa-apa barang kena cukai hendaklah, semasa berada di Tioman, disifatkan sebagai tidak kena cukai dan peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa yang tersebut di atas tidaklah terpakai berkenaan dengan mana-mana barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai atas pengimportan masuk ke Tioman.

Pemungutan cukai di Tioman

90G. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 61 Akta ini, Menteri boleh membuat peruntukan—

(a) mengenai pemungutan di Tioman atas cukai jualan yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hampir hendak diangkut dari

Tioman ke kawasan utama kastam atau ke Tioman dari kawasan utama kastam;

- (b) mengenai batasan atau sekatan vesel dan pesawat udara yang boleh digunakan untuk mengangkut barang-barang itu; dan
- (c) mengenai pelesenan atau pengawalan orang atau vesel atau pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu.

Pemakaian seksyen 29 bagi barang-barang yang diangkut ke Tioman

90H. Seksyen 29 hendaklah terpakai bagi barang-barang (selain apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai atas pengimportan masuk ke Tioman) yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Tioman seolah-olah barang-barang itu telah dieksport atau dieksport semula, mengikut mana-mana yang berkenaan.

BAHAGIAN XVIII

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN PETROLEUM

Peruntukan tertentu Akta terpakai

91. Tertakluk kepada seksyen 92 hingga 95, Akta ini hendaklah terpakai bagi petroleum.

Mengubah tempoh cukai terhutang dan kena dibayar dan tempoh cukai

92. Walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, Menteri boleh melalui perintah, membuat mana-mana atau semua yang berikut:

- (a) menentukan tempoh yang berlainan bagi cukai jualan yang terhutang dan kena dibayar berkenaan dengan petroleum;
- (b) menentukan tempoh cukai yang berlainan berkenaan dengan petroleum; dan

- (c) menentukan syarat yang hendaklah dipatuhi bagi kuat kuasa tempoh cukai jualan terhutang dan kena dibayar yang berlainan dan juga tempoh cukai yang berlainan.

Penyerahan petroleum tertakluk kepada kawalan kastam sebelum pembayaran cukai jualan

93. Walau apa pun seksyen 25, mana-mana orang boleh menerima penyerahan daripada kawalan Kastam petroleum kena cukai yang diimport sama ada atau tidak mana-mana bahagian atau kesemua cukai jualan atas barang-barang itu telah dibayar.

Tiada ambilan balik

94. Seksyen 29 tidak terpakai bagi petroleum.

Bahagian XIV, XVII dan XVIIA tidak mempunyai kuat kuasa

95. Bagi maksud petroleum, Labuan, Langkawi dan Tioman hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada Malaysia dan Bahagian I hingga XVIII hendaklah terpakai berkenaan dengan petroleum yang dikilang di atau diimport ke dalam atau dieksport dari atau diangkut ke atau dari Labuan, Langkawi dan Tioman seolah-olah Bahagian XIV, XVII dan XVIIA tidak diperbuat.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 64

AKTA CUKAI JUALAN 1972

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A146	Akta Zon Perdagangan Bebas (Pindaan) 1972	06-10-1972
Akta A195	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1973	01-06-1973
Akta A251	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1974	14-06-1974
Akta 24	Akta Zon Perdagangan Bebas 1971	06-10-1972 (seksyen 43 Jadual Kedua)
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
P.U.(A)357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Perluasan) 1980	01-06-1981
Akta 274	Akta Kewangan (No. 2) 1982	01-01-1983
Akta 293	Akta Kewangan 1983	21-10-1983
Akta 328	Akta Kewangan 1986	24-10-1986
Akta 329	Akta Kewangan (No. 2) 1986	01-01-1987
Akta 337	Akta Kewangan 1987	24-10-1987
Akta A782	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990	31-08-1990
Akta 438	Akta Zon Bebas 1990	05-09-1991

Cukai Jualan

79

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 451	Akta Kewangan 1991	01-01-1991 (seksyen 42, 43 dan 44); 14-12-1990 (seksyen 45, 46 dan 47)
Akta A875	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1994	04-03-1994
Akta A961	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1996	13-09-1996
Akta 557	Akta Kewangan 1997	25-10-1996
Akta 578	Akta Kewangan 1998	17-10-1997
Akta A1058	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999	01-01-2000
Akta A1070	Akta Cukai Jualan (Pindaan) (No. 2) 1999	01-01-2000
Akta A1110	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2001	06-07-2001
Akta A1163	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2002	01-09-2002
Akta A1183	Akta Cukai Jualan (Pindaan) (No. 2) 2002	01-01-2003

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 64****AKTA CUKAI JUALAN 1972****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A961	13-09-1996
2	Akta A251	14-06-1974
	Akta 293	21-10-1983
	Akta 451	01-01-1991
	Akta A875	04-03-1994
	Akta A961	03-09-1996
	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1070	01-01-2000
	Akta A1110	06-07-2001
	Akta A1163	01-09-2002
2A	Akta A146	06-10-1972
	Akta 24	06-10-1972 (seksyen 43 Jadual Kedua)
2B	Akta 557	25-10-1996
3	Akta A195	01-06-1973
	Akta A782	31-08-1990
5	Akta A195	01-06-1973

Cukai Jualan

81

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1058	01-01-2000
7	Akta A195	01-06-1973
	Akta 328	24-10-1986
	Akta A782	31-08-1990
	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1183	01-01-2003
8	Akta A782	31-08-1990
9	Akta 293	21-10-1983
10	Akta A195	01-06-1973
11	Akta 328	24-10-1986
12A	Akta A1058	01-01-2000
13	Akta A195	01-06-1973
	Akta 328	24-10-1986
	Akta 337	24-10-1987
13A	Akta A251	14-06-1974
	Akta A1058	01-01-2000
14	Akta 337	24-10-1987
	Akta 578	17-10-1997
15	Akta 293	21-10-1983
16	Akta A195	01-06-1973
	Akta A1070	01-01-2000
17	Akta A195	01-06-1973
	Akta A782	31-08-1990

82

*Undang-Undang Malaysia***AKTA 64**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1070	01-01-2000
17A	Akta A1058	01-01-2000
19	Akta 451	01-01-1991
22	Akta A251	14-06-1974
	Akta 293	21-10-1983
23	Akta 293	21-10-1983
	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1110	06-07-2001
24	Akta 328	24-10-1986
	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1183	01-01-2003
26	Akta A251	14-06-1974
	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1110	06-07-2001
27A	Akta A1058	01-01-2000
28	Akta A1058	01-01-2000
29	Akta A251	14-06-1974
30	Akta 293	21-10-1983
	Akta 328	24-10-1986
	Akta A782	31-08-1990
	Akta A1058	01-01-2000
31	Akta A251	14-06-1974
	Akta 274	01-01-1983

Cukai Jualan

83

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
31A	Akta 274	01-01-1983
31B	Akta A1058	01-01-2000
31C	Akta A1183	01-01-2003
31D	Akta A1183	01-01-2003
32	Akta A782	31-08-1990
	Akta A1058	01-01-2000
33	Akta A195	01-06-1973
36	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1110	06-07-2001
39A	Akta A1110	06-07-2001
42	Akta A1110	06-07-2001
43	Akta A251	14-06-1974
	Akta A875	04-03-1994
	Akta A1058	01-01-2000
43A	Akta A1058	01-01-2000
44	Akta A251	14-06-1974
	Akta A1058	01-01-2000
45	Akta A1110	06-07-2001
46	Akta A1110	06-07-2001
48	Akta A1110	06-07-2001
51A	Akta A1110	06-07-2001
53	Akta A195	01-06-1973
55	Akta A195	01-06-1973

84

*Undang-Undang Malaysia***AKTA 64**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
57	Akta A1058	01-01-2000
59A	Akta A1058	01-01-2000
60A	Akta 293	21-10-1983
61	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1183	01-01-2003
62	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1110	06-07-2001
63	Akta A1058	01-01-2000
63A	Akta A1058	01-01-2000
64	Akta A875	04-03-1994
66	Akta A875	04-03-1994
68	Akta A1183	01-01-2003
69	Akta A782	31-08-1990
	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1070	01-01-2000
70	Akta A782	31-08-1990
	Akta A1058	01-01-2000
	Akta A1070	01-01-2000
71	Akta 451	01-01-1991
72	Akta 329	01-01-1987
	Akta A1163	01-09-2002
73	Akta 451	14-12-1990
	Akta A1183	01-01-2003

Cukai Jualan

85

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
76	Akta A251	14-06-1974
77	Akta 451	14-12-1990
79	Akta 451	14-12-1990
BAHAGIAN XV	Akta 293	21-10-1983
81	Akta 329	01-01-1987
82	Akta 329	01-01-1987
83	Akta 329	01-01-1987
	Akta A1163	01-09-2002
84	Akta 329	01-01-1987
85	Akta 329	01-01-1987
86	Akta 329	01-01-1987
87	Akta 329	01-01-1987
88	Akta 329	01-01-1987
89	Akta 329	01-01-1987
90	Akta 329	01-01-1987
BAHAGIAN XVIIA	Akta A1163	01-09-2002
90A	Akta A1163	01-09-2002
90B	Akta A1163	01-09-2002
90C	Akta A1163	01-09-2002
90D	Akta A1163	01-09-2002
90E	Akta A1163	01-09-2002
90F	Akta A1163	01-09-2002
90G	Akta A1163	01-09-2002

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
90H	Akta A1163	01-09-2002
BAHAGIAN XVIII	Akta A1070	01-01-2000
91	Akta A1070	01-01-2000
92	Akta A1070	01-01-2000
93	Akta A1070	01-01-2000
94	Akta A1070	01-01-2000
95	Akta A1070	01-01-2000
	Akta A1163	01-09-2002
